Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam Bil. 2/2011 pada 6 April 2011 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) antara lain telah membincangkan isu-isu berkaitan operasi dan penubuhan Tadika dan TASKA seperti berikut:

- i. Tempoh permohonan kelulusan tukar syarat, Kebenaran Merancang (KM), pelesenan dan pendaftaran yang mengambil masa terlalu lama;
- ii. Peraturan dan syarat dalam menimbang kelulusan yang tidak seragam diantara pelbagai agensi;
- iii. Fi permohonan KM, lesen premis perniagaan yang baru dan pembaharuan lesen yang tidak seragam di antara PBT;
- iv. Kewujudan operasi Tadika dan TASKA yang tidak berdaftar (operasi secara haram) di kawasan kediaman telah menyebabkan timbulnya kacau-ganggu terutamanya dari aspek lalu-lintas dan bunyi bising; dan
- v. Tapak khas Tadika dan TASKA yang dikenal pasti di dalam Rancangan Tempatan (RT) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK) tidak dibangunkan.

Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam Bil. 2/2011 tersebut telah memutuskan supaya Tadika dan TASKA dikeluarkan daripada Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat (JPBD 19/97) dan disediakan satu Garis Panduan Penubuhan Tadika dan TASKA secara khusus yang meliputi aspek perancangan tapak, pelesenan dan proses penubuhan Tadika dan TASKA.

3. SKOP

Garis panduan ini adalah terpakai bagi penubuhan Tadika dan TASKA sama ada yang dijalankan oleh pengusaha Kerajaan atau swasta di seluruh Semenanjung Malaysia. Garis panduan ini disediakan dengan memberi perhatian terhadap proses penubuhan sesebuah Tadika dan TASKA mengikut kategori/jenis yang ditetapkan yang meliputi aspek perancangan tapak, penyeragaman fi, lesen dan senarai semak keperluan agensi terlibat. Garis panduan ini juga mengambil kira aspek perancangan, penyediaan kemudahan berkaitan dan perihal tanah dengan merujuk peruntukan Akta-akta berkaitan termasuk Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56].

3.1 Peruntukan Perundangan dan Peraturan

Perancangan dan penubuhan Tadika dan TASKA adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perundangan dan peraturan utama seperti berikut:

- i. Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56];
- ii. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172];
- iii. Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171];
- iv. Akta Pelajaran 1961[P.U.(A)414/72];
- v. Akta Pendidikan 1996 [Akta 550];
- vi. Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308];
- vii. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 [UKBS, 1984];
- viii. Peraturan-Peraturan Pendidikan 1997 & 1998; dan
- ix. Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak (Di Institusi) 1985.

Peraturan-peraturan lain yang perlu dilihat adalah Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

4. DEFINISI TADIKA DAN TASKA

4.1 Tadika

Di bawah peruntukan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], Tadika didefinisikan sebagai mana-mana tempat di mana pendidikan prasekolah (4 hingga 6 tahun) disediakan untuk 10 orang murid atau lebih.

4.2 TASKA

Menurut peruntukan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308], TASKA bermaksud mana-mana premis yang menerima masuk 4 atau lebih kanak-kanak di bawah umur 4 tahun dari lebih daripada satu isi rumah (2 atau lebih keluarga) untuk dijaga dengan upah.

TASKA terbahagi kepada 4 jenis seperti di Jadual 1.0.

Jadual 1.0: Jenis TASKA

Jenis	Penerangan
a. TASKA di Rumah	Menerima masuk 4 hingga 9 orang kanak-kanak dalam rumah orang yang didaftarkan.
b. TASKA di Institusi	Taman asuhan kanak-kanak yang menerima masuk 10 orang kanak-kanak atau lebih.
c. TASKA di Tempat Kerja	Taman asuhan kanak-kanak yang disediakan di mana-mana tempat kerja.
d. TASKA Komuniti	Taman asuhan kanak-kanak yang menerima masuk 10 orang kanak-kanak atau lebih di kawasan keluarga berpendapatan rendah (pendapatan isi rumah RM2,000.00 di kawasan bandar dan kurang RM1,200.00 di luar bandar) dan menerima bantuan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2011.

6.1.2 Bilangan Unit Kediaman dan Nisbah Pengasuh

Perancangan Tadika dan TASKA adalah berdasarkan kepada bilangan penduduk seperti di Jadual 2.0.

Jadual 2.0: Nisbah Penyediaan Tadika dan TASKA Mengikut Bilangan Unit Kediaman

Bilangan	Bilangan Unit Kediaman
1 Tadika	200 unit rumah
1 TASKA	200 unit rumah

Nota: Penduduk Malaysia golongan umur 0-6 tahun adalah 10% daripada jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia, berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010.

Penentuan bilangan penduduk hendaklah mengambilkira struktur umur penduduk di sesuatu kawasan kejiranan. Kawasan kejiranan yang mempunyai majoriti kumpulan penduduk muda/kanak-kanak memerlukan lebih banyak Tadika dan TASKA berbanding kawasan kejiranan yang terdiri daripada majoriti penduduk warga emas.

Manakala bagi keperluan nisbah pengasuh dan kanak-kanak bagi operasi TASKA pula adalah mengikut keperluan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) seperti di Jadual 3.0. Maklumat ini diperlukan semasa permohonan pendaftaran TASKA.

Jadual 3.0: Nisbah Pengasuh dan Kanak-Kanak

Kategori Kanak-Kanak	Umur Kanak-Kanak	Nisbah Pengasuh Kanak-Kanak Profesional
TASKA di Rumah/Tempat Kerja/Institusi/Bangunan Perniagaan/Bangunan Berintergrasi dengan Kemudahan Masyarakat		
Kanak-Kanak	Baru Lahir - 1 tahun	1 pengasuh : 3 kanak-kanak
	1 - 3 tahun	1 pengasuh : 5 kanak-kanak
	3 - 4 tahun	1 pengasuh : 10 kanak-kanak
Kanak-Kanak OKU	Baru Lahir - 1 tahun	2 pengasuh : 3 kanak-kanak
	1 - 3 tahun	2 pengasuh : 5 kanak-kanak
	3 - 4 tahun	3 pengasuh : 10 kanak-kanak

Sumber: Diubahsuai daripada data Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011.

Nisbah guru bagi kanak-kanak di Tadika adalah 1 orang guru dan 1 orang pembantu pengurusan murid bagi setiap 25 orang murid⁴.



Bilangan guru bagi Tadika dan pengasuh bagi TASKA perlulah mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

⁴ Pernyataan Dasar Institusi Pendidikan Swasta, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012.

附录7

《社会设备规划指南》

马来西亚半岛城市与乡村规划局

2013年9月

Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia

September 2013

(只收纳文件的部分原文)



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**
No. 51, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8891 5003
Fax : 03-8891 5558

Rujukan Kami : JKT.D.100-1/3/2 Jld. 5(28)
Tarikh : 9 Jun 2014

**PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BILANGAN 4 TAHUN 2014**

***GARIS PANDUAN PERANCANGAN KEMUDAHAN MASYARAKAT
(PINDAAN 2013)***

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penjelasan serta panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai **Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat.**

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-66 pada **3 September 2013**, telah mengambil maklum mengenai penambahbaikan ke atas Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat.

3. Garis Panduan ini disediakan untuk membantu PBN, PBT, agensi pelaksana dan pemaju menyediakan kemudahan masyarakat yang secukupnya dalam membangunkan sesuatu kawasan ke arah mewujudkan komuniti sejahtera. Garis panduan ini merupakan penambahbaikan kepada Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat Bil. 19/97 yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Semenanjung Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada tahun 1997.

PEMAKAIAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN KEMUDAHAN MASYARAKAT (PINDAAN 2013)

4. Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan kandungan Rancangan Pemajuan, khususnya Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas. Garis panduan ini tidak mengatasi mana-mana garis panduan lain dari segi subjek atau pun pertapakan, yang disediakan di bawah peruntukan perundangan oleh mana-mana pihak. Garis Panduan ini hendaklah juga dibaca bersama peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan lain-lain undang-undang sedia ada yang berkaitan. Ia juga perlu merujuk kepada garis

panduan lain yang berkaitan yang disediakan oleh JPBD Semenanjung Malaysia.

5. Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat adalah seperti di **Lampiran**.

TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat JPBD Bil. 19/97 yang telah disediakan oleh JPBD Semenanjung Malaysia, KPKT pada tahun 1997 adalah terbatal.

PERTANYAAN

7. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

Pengarah
Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan
Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia
Unit No.50-12-2B & 50-13-1,
Wisma UOA Damansara,
50 Jalan Dungun, Damansara Heights,
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2081 6000
Faks : 03-2094 1170

PENUTUP

8. Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua PBN dan PBT untuk perhatian dan tindakan sewajarnya.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”

Yang Ikhlas,



(DATO' SERI ARP AH BINTI ABDUL RAZAK)

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan
dan Kerajaan Tempatan.

9 Jun 2014

s.k.

Semua YB. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Datuk Bandar/ Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan

GARIS PANDUAN PERANCANGAN

Kemudahan Masyarakat



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SEMENANJUNG MALAYSIA
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

2013

Pemberitahuan

Garis Panduan ini menggantikan Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat JPBD 19/97 yang telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Garis Panduan ini telah diambil maklum oleh Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-66 pada 3 September, 2013.

Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan kandungan Rancangan Pemajuan, khususnya Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas.

Garis Panduan ini tidak mengatasi mana-mana garis panduan lain, sama ada dari segi subjek atau pun pertapakan, yang disediakan di bawah peruntukan perundangan oleh mana-mana pihak.

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] dan undang-undang sedia ada yang berkaitan. Ia juga perlu merujuk kepada garis panduan lain yang berkaitan yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.

September, 2013

5.2. Kemudahan Pendidikan

5.2.1. Kategori

Kemudahan pendidikan terbahagi kepada 5 kategori seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.0.

Jadual 6.0: Kategori Kemudahan Pendidikan

Kategori	Kriteria
i. Pra-sekolah/ Tadika	<ul style="list-style-type: none"> - Kemudahan pendidikan untuk peringkat umur 4 hingga 6 tahun. - Saiz kelas 25 (minimum). - Kemudahan pra-sekolah boleh disediakan di sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, sekolah agama bantuan Kerajaan, sekolah menengah kerajan, sekolah menengah teknik, Institut Pendidikan Guru Malaysia, rumah panjang di sarawak dan pusat komuniti di Sabah. - Lain-lain keperluan rujuk Garis Panduan Penubuhan Tadika dan TASKA, JPBD SM, 2012.
ii. Sekolah Rendah	<ul style="list-style-type: none"> - Kemudahan pendidikan untuk peringkat umur 6 hingga 12 tahun. - Saiz kelas 35 (minimum). - Termasuk sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, sekolah agama dan juga sekolah swasta.
iii. Sekolah Menengah	<ul style="list-style-type: none"> - Kemudahan pendidikan untuk peringkat umur 13 hingga 17 tahun. - Disediakan bagi 2 atau 3 unit kejuranan. - Saiz kelas - 35 pelajar untuk satu sesi persekolahan. - Terdapat 3 jenis sekolah menengah iaitu: <ul style="list-style-type: none"> • Sekolah menengah; • Sekolah menengah agama; dan • Sekolah menengah swasta. - Terma Sekolah Menengah Teknik, Sekolah Menengah Vokasional, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Sekolah Menengah Berasrama Penuh adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia.
iv. Sekolah Pendidikan Khas	<ul style="list-style-type: none"> - Kementerian Pendidikan Malaysia mentakrifkan Sekolah Pendidikan Khas disediakan kepada murid bermasalah penglihatan dan pendengaran. <p>3 peringkat pendidikan khas;</p> <p><i>a. Pra Sekolah</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Melibatkan golongan yang berumur 4 hingga 6 tahun; - Disahkan oleh pengamal perubatan; dan - Boleh mengurus diri tanpa bantuan orang lain. <p><i>b. Pelajaran Rendah</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Melibatkan golongan yang berumur 6 sehingga 14 tahun; - Disahkan oleh pengamal perubatan; dan - Tempoh belajar adalah 6 tahun dan boleh dilanjutkan maksimum dua 2 tahun.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN KEMUDAHAN MASYARAKAT

Kategori	Kriteria
	<p>c. <i>Pelajaran Menengah</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Menyediakan 2 jenis aliran iaitu akademik dan vokasional; - Melibatkan golongan yang berumur 13 hingga 19 tahun; - Disahkan oleh pengamal perubatan; - Boleh mengurus diri tanpa bantuan orang lain; dan - Tempoh belajar adalah 5 tahun dan boleh dilanjutkan maksimum 2 tahun.
<p>v. Institusi Pengajian Tinggi/Kolej/Politeknik</p>	<p>Menyediakan pendidikan tinggi yang membawa kepada penganugerahan diploma, ijazah atau setaraf dengannya.</p>

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011 dan Kajian Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan JPBD SM, 2011



Sekolah Menengah Kebangsaan Presint 9, Putrajaya. Julai, 2011



Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi. Julai, 2011

Foto 5: Kemudahan Pendidikan Kategori Sekolah Menengah

5.2.2. Garis Panduan Umum

i. Perancangan Tapak dan Reka Bentuk

- Perancangan kemudahan pendidikan mengikut kategori dan hierarki adalah berdasarkan kepada bilangan penduduk, lokasi, keluasan minimum dan keadaan tapak.
- Kemudahan pendidikan sekolah rendah dan menengah perlu terletak dalam jarak berjalan kaki dengan kawasan perumahan.
- Tapak sekolah tidak dibenarkan di kawasan berpaya, berbukit dan bercerun curam serta kawasan berisiko bencana seperti hakisan, tanah runtuh serta banjir, berdekatan laluan talian rentis elektrik dan kawasan industri berisiko tinggi.
- Kemudahan pendidikan perlu di lokasi yang kondusif untuk proses pengajaran dan pembelajaran, jauh dari kawasan industri, lapangan terbang, perlombongan, kuari dan lebuhraya serta mempunyai zon penampungan yang mengikut piawaian ditetapkan.
- Sekolah tidak dibenarkan diletakkan di sepanjang atau berhampiran jalan utama bagi mengelakkan kesesakan dan mengutamakan keselamatan. Sekolah hendaklah diletakkan dan dihubungi oleh jalan yang kurang lalu lintas iaitu laluan terus (*through access*) atau jalan *collector* kecil (*minor roads*).
- Sekolah perlu diletakkan berhampiran dengan perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas, LRT dan sebagainya.
- Sekolah tidak dibenarkan diletakkan di tapak yang berhampiran dengan lorong, terowong, taman yang sunyi atau terpencil (*crime hot spot*).
- Tapak kemudahan pendidikan hendaklah mempunyai ciri fizikal yang baik di samping penyediaan padang permainan yang mempunyai sistem saliran sempurna dan berfungsi.
- Tapak sekolah hendaklah berasingan dari tapak rumah pangsa tetapi dalam jarak berhampiran dengan unit kediaman.
- Keluasan minimum tapak kemudahan pendidikan dalam Jadual 7.0, 8.0 dan 9.0 merujuk kepada tanah yang boleh dibangunkan. Pembinaan kemudahan yang mempunyai kawasan yang tidak boleh dibangunkan seperti di kawasan cerun curam ($\geq 25^\circ$), kawasan berpaya, *oddly-shaped tracts* dan keadaan tanah yang tidak sesuai untuk pembangunan memerlukan keluasan tambahan.
- Reka bentuk kemudahan pendidikan hendaklah menerapkan prinsip *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED) dan reka bentuk sejagat (Universal Design) ke arah mewujudkan persekitaran yang selamat, mesra pengguna dan selesa serta kondusif untuk proses pembelajaran dan pengajaran.

- Susun atur pelan sekolah dibahagikan kepada 4 zon utama mengikut fungsi ruang, iaitu:
 - a. Zon Pentadbiran;
 - b. Zon Akademik;
 - c. Zon Kediaman; dan
 - d. Zon Rekreasi.
 - Tapak sekolah rendah agama boleh diintegrasikan dengan balai raya atau kemudahan beribadat seperti masjid atau surau.
 - Perancangan tapak kemudahan pendidikan hendaklah selaras dengan cadangan dan strategi pembangunan dalam RT dan RKK yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
 - Keluasan tapak kemudahan pendidikan hendaklah mencukupi untuk menampung keperluan pembangunan masa hadapan.
 - Reka bentuk bangunan kemudahan pendidikan hendaklah dilengkapi dengan kemudahan teknologi maklumat dan penerapan teknologi hijau (green technology) yang menjimatkan tenaga/sumber (energy saving) seperti sistem pengumpulan air hujan (rain water harvesting) dengan kos yang efektif dan penyelenggaraan yang minimum, penggunaan bahan kitar semula dan pemeliharaan sumber semula jadi.
 - Kawasan kemudahan pendidikan perlu dilandskap dengan pokok yang bersesuaian, menarik dan senang diselenggara bagi mewujudkan persekitaran yang ceria.
- ii. Sistem Perhubungan dan Kemudahan Sokongan**
- Sistem perhubungan perlu sistematik, teratur dan selamat kepada pengguna seperti pelajar, ibu bapa dan kakitangan sekolah.
 - Laluan bas sekolah dan kenderaan ibu bapa (*drop off and pick-up point*) perlu diasingkan dari lalu lintas utama melalui penyediaan lorong dan perhentian bas sekolah khas; dan penyediaan laluan keluar masuk alternatif.
 - *Lay-by* untuk bas perlu disediakan di luar kawasan sekolah dan tempat menunggu berbumbung perlu disediakan.
 - Kemudahan tempat letak kenderaan yang mencukupi perlu disediakan mengikut nisbah pelajar, kakitangan dan pelawat.
- 5.2.3. Garis Panduan Khusus**
- Garis panduan khusus Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Sekolah Pendidikan Khas dan IPT/Kolej/Politeknik Awam (Jadual 7.0, 8.0 dan 9.0) terbahagi kepada 2 kategori mengikut hierarki bandar, julat/kepadatan penduduk dan kadar tekanan pembangunan, iaitu:

i. Kategori A:

Konurbasi Pertumbuhan Negara,
Konurbasi Pertumbuhan Wilayah,
Konurbasi Pertumbuhan Separa
Wilayah dan Konurbasi Pertumbuhan
Negeri.

ii. Kategori B:

Konurbasi Pertumbuhan Daerah,
Pusat Petempatan Utama dan Pusat
Petempatan Kecil.

(Rujuk Lampiran A: Hierarki Bandar di
Semenanjung Malaysia 2006-2020, Dasar
Perbandaran Negara, 2006)

i. Sekolah Rendah

- Perancangan sekolah rendah perlu mengikut hierarki berdasarkan bilangan penduduk dan lokasi. Selain itu, anggaran jumlah kanak-kanak yang bersekolah rendah adalah 13 peratus daripada jumlah penduduk.
- Reka bentuk dan susun atur perlu mengikut garis kontur dan bentuk muka bumi serta disesuaikan dengan perancangan landskap.
- Penyediaan sekolah rendah bergantung kepada keperluan dan 3 jenis sekolah rendah, iaitu:
 - a. Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK);
 - b. Sekolah Rendah (J) Kebangsaan (SRJK); dan
 - c. Sekolah Rendah Agama (SRA).
- Penentuan jenis sekolah rendah adalah tertakluk kepada keperluan dan kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lintasan pejalan kaki atau lampu isyarat perlu disediakan di kawasan menurunkan (drop off) dan mengambil (pick-up point) pelajar bagi tujuan keselamatan.
- Jarak/masa perjalanan ke sekolah rendah dari kawasan kediaman adalah dalam jarak berjalan kaki (400 meter).

Jadual 7.0: Garis Panduan Khusus Sekolah Rendah

Jenis/Bilangan Bilik Darjah	Tadahan Penduduk	Keluasan Tapak Minimum *		Nisbah Murid/Kelas
		Tanah Rata	Bukit & Cerun Landai	
Kawasan Kategori A				
13 bilik darjah	4,500 penduduk	1 - 2 hek (2.5 – 5 ek)	1.5 – 3 hek (4 – 8 ek)	45 pelajar/kelas
22 bilik darjah	7,500 penduduk			
32 bilik darjah	11,000 penduduk			
43 bilik darjah	15,000 penduduk			
Kawasan Kategori B				
12 bilik darjah	3,000 penduduk	2 - 4 hek (5 - 10 ek)	3 - 4 hek (8 - 10 ek)	35 pelajar/kelas
24 bilik darjah	6,000 penduduk			
30 bilik darjah	7,500 penduduk			
40 bilik darjah	10,800 penduduk			
Komponen kemudahan sokongan:				
<ul style="list-style-type: none"> - Pejabat Pentadbiran dan Pengetua - Bilik Guru - Perpustakaan - Bengkel dan Bilik Makmal - Kantin - Dewan - Padang permainan/Padang Bola Sepak - Taman Riadah - Bola Jaring - Gelanggang Permainan - Bilik Air dan Tandas - Pondok Pengawal - Tempat Pembuangan Sampah 		<ul style="list-style-type: none"> - Tempat letak kereta/kenderaan bagi kakitangan dan pelawat - <i>Lay-by</i> untuk bas/kereta - Laluan Pejalan Kaki - Surau/Bilik Sembahyang - Menara Tangki Air dan Pencawang Elektrik (Jika Perlu) - Makmal Komputer - Kuarters kediaman - <i>Ramp</i> - Tandas OKU - Laluan mudah OKU - <i>Hand rail</i> - Stor - Jarak perjalanan di dalam lingkungan 0.4 hingga 0.8km dari kediaman dengan masa perjalanan 10 minit berjalan kaki. 		

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kajian Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan dan PembangunanJPBD SM; 2011

Nota :

- 1.* *Keluasan tapak minimum (Kawasan Kategori A)* mengandaikan reka bentuk dan susun atur bangunan kemudahan pendidikan dibina secara vertical/menegak untuk meminimumkan penggunaan ruang tanah dengan penyediaan kemudahan sokongan yang mencukupi, selesa, selamat dan efisien kepada pengguna.
2. *Komponen kemudahan sokongan bagi sekolah rendah yang dibina di kawasan Kategori A yang mempunyai keluasan ruang tanah yang terhad, memerlukan kaedah penyediaan kemudahan sokongan secara kreatif dan inovatif bersesuaian dengan keluasan tapak yang ada seperti penyediaan gelanggang permainan secara indoor, tempat letak kereta secara bertingkat dan sebagainya.*

ii. Sekolah Menengah

- Perancangan sekolah menengah hendaklah mengikut hierarki berdasarkan bilangan penduduk, lokasi dan jenis; seperti Jadual 8.0.
- Anggaran jumlah kanak-kanak yang bersekolah menengah adalah 10 peratus daripada jumlah penduduk iaitu bergantung kepada jumlah kumpulan umur 13 sehingga 17 tahun.

Jadual 8.0: Garis Panduan Khusus Sekolah Menengah

Jenis Sekolah Menengah	Tadahan Penduduk		Keluasan Minimum Tapak *						Lokasi Sesuai	Komponen Kemudahan Sokongan		
			Tanah Rata		Bukit dan Cerun Landai		Nisbah Murid/Kelas					
	Kawasan Kategori A	Kawasan Kategori B	Kawasan Kategori A	Kawasan Kategori B	Kawasan Kategori A	Kawasan Kategori B	Kawasan Kategori A	Kawasan Kategori B				
i. Sekolah Menengah Kebangsaan	Melebihi 10,000 penduduk (1 sekolah bagi 2-3 unit kejiranan)	Melebihi 9,000 penduduk (1 sekolah bagi 2-3 unit kejiranan)	2-4 hek (5-10 ekar)	3-6 hek (7-15 ekar)	3-5 hek (7-12 ekar)	4-6 hek (10-15 ekar)	45 pelajar/kelas	35 pelajar/kelas	<ul style="list-style-type: none"> - Terletak dalam jarak yang sesuai dengan kawasan penduduk tadahan (berhampiran dengan atau dalam kawasan perumahan). - Jarak dan masa perjalanan di dalam lingkungan 0.8 hingga 1.6km (1/2 hingga 1 batu) dengan masa perjalanan 20 minit berjalan kaki. 	<ul style="list-style-type: none"> - Pejabat pentadbiran - Bilik guru - Stor - Perpustakaan - Kantin - Dewan - Padang permainan/padang bola sepak - Gelanggang permainan - Taman riadah - Bilik air/tandas - Pondok pengawal - Tempat pembuangan sampah 		
ii. Sekolah Menengah Agama			4-8 hek (10-20 ekar)	8-10 hek (20-25 ekar)	6-10 hek (15-25 ekar)	10-14 hek (25-35 ekar)	45 pelajar/kelas	35 pelajar/kelas			<ul style="list-style-type: none"> - Terletak dalam jarak yang sesuai dengan kawasan penduduk tadahan (berhampiran dengan atau dalam kawasan perumahan). 	<ul style="list-style-type: none"> - Tempat letak kereta/motosikal/basikal untuk kakitangan, pelajar dan pelawat - Lay-by untuk bas dan kereta - Laluan pejalan kaki - Surau/bilik sembahyang - Makmal sains/komputer
iii. Sekolah Menengah Teknik	Peringkat Daerah/ Negeri	Peringkat Daerah/ Negeri	6-10 hek (15-25 ek)	14-16 hek (35-40 ek)	15-20 hek (37-50 ek)	40-48 hek (100-120 ek)	35 pelajar/kelas	45 pelajar/kelas				
iv. Sekolah Menengah Vokasional			Peringkat Daerah/ Negeri	Peringkat Daerah/ Negeri	6-10 hek (15-25 ek)	14-16 hek (35-40 ek)	15-20 hek (37-50 ek)	40-48 hek (100-120 ek)	35 pelajar/kelas	45 pelajar/kelas		
v. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama					6-10 hek (15-25 ek)	14-16 hek (35-40 ek)	15-20 hek (37-50 ek)	40-48 hek (100-120 ek)	35 pelajar/kelas	45 pelajar/kelas		
vi. Sekolah Menengah Berasrama Penuh	Peringkat Daerah/ Negeri	Peringkat Daerah/ Negeri	6-10 hek (15-25 ek)	14-16 hek (35-40 ek)	15-20 hek (37-50 ek)	40-48 hek (100-120 ek)	35 pelajar/kelas	45 pelajar/kelas				

GARIS PANDUAN PERANCANGAN KEMUDAHAN MASYARAKAT

Jenis Sekolah Menengah	Tadahan Penduduk		Keluasan Minimum Tapak *						Lokasi Sesuai	Komponen Kemudahan Sokongan
			Tanah Rata		Bukit dan Cerun Landai		Nisbah Murid/Kelas			
	Kawasan Kategori A	Kawasan Kategori B	Kawasan Kategori A	Kawasan Kategori B	Kawasan Kategori A	Kawasan Kategori B	Kawasan Kategori A	Kawasan Kategori B		
vii Kompleks Sekolah (Sekolah Sinar)	Melebihi 10,000 penduduk (1 sekolah bagi 2-3 unit kejranan)	Melebihi 9000 penduduk (1 sekolah bagi 2-3 unit kejranan)	2-4 hek (5-10 ek)	4-6 hek (10-12 ek)	6-8 hek (15-20 ek)	3-6 hek (7-15 ek)	35 pelajar/kelas	45 pelajar/kelas	Jarak dan masa perjalanan dari kawasan kediaman antara 0.8 hingga 1.6km (1/2 hingga 1 batu) atau 20 minit berjalan kaki.	Penyediaan kemudahan sokongan seperti padang di Sekolah Sinar adalah secara perkongsian/gunasama. Kemudahan sokongan lain sama seperti sekolah-sekolah lain.

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kajian Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan JPBD SM, 2011

Nota :

* *Keluasan minimum tapak (Kawasan Kategori A) mengandaikan reka bentuk dan susun atur bangunan kemudahan pendidikan dibina secara menegak (vertical) untuk meminimumkan penggunaan ruang tanah dengan penyediaan kemudahan sokongan yang mencukupi, selesa, selamat dan efisien kepada pelajar dan kakitangan.*

- Sekolah Sinar/Kompleks Sekolah merujuk kepada pengintegrasian sekolah rendah dan sekolah menengah.
- Penyediaan kemudahan sokongan seperti padang di Sekolah Sinar adalah secara perkongsian/gunasama.
- Penyediaan sekolah secara integrasi adalah digalakkan ke arah mengurangkan perjalanan menghantar dan mengambil pelajar oleh ibu bapa selaras dengan sasaran Kerajaan untuk mengurangkan pengeluaran gas sebanyak 40% menjelang 2020.
- Sekolah menengah swasta di bandar Kategori A dibenarkan dibina di kawasan komersial dengan syarat keluasan, lokasi dan penyediaan kemudahan sokongan yang mencukupi, selesa dan selamat untuk kegunaan pelajar dan kakitangan.
- Penyediaan sekolah swasta di kawasan Kategori B sama seperti garis panduan khusus Sekolah Menengah Kebangsaan di Jadual 8.0 bagi memastikan persekitaran yang kondusif untuk proses pembelajaran dan pengajaran.



Foto 6: Laluan Pejalan Kaki dan Pagar Keselamatan Sebagai Komponen Sokongan Kemudahan Pendidikan

iii. Sekolah Pendidikan Khas

- Sekolah Pendidikan Khas menyediakan pendidikan kepada murid bermasalah penglihatan dan masalah pendengaran.
- Sekolah Pendidikan Khas terbahagi kepada 2 jenis iaitu Pendidikan Khas Sepenuhnya di bawah tanggungjawab Bahagian Pendidikan Khas dan

Pendidikan Khas Integrasi di bawah tanggungjawab Jabatan Pelajaran Negeri.

- Pendidikan Khas Integrasi yang diadakan di sekolah rendah/menengah harian biasa, tertakluk kepada garis panduan khusus dengan penyediaan kemudahan dan reka bentuk yang mesra golongan OKU seperti dalam Jadual 9.0.
- Pendidikan Khas Sepenuhnya tertakluk kepada Garis Panduan Khusus di Jadual 9.0.
- Tempat letak kereta perlu mempunyai kelebaran dan panjang petak yang mencukupi bagi membolehkan pengguna kerusi roda dan alatannya dapat bergerak dengan bebas dan selesa.
- Papan tanda ke tempat letak kereta untuk Orang Kurang Upaya (OKU) perlu diletakkan berdekatan pintu masuk dan simbol antarabangsa OKU perlu dicatkan dengan terang di atas ruang tempat letak kereta.
- Plaza, siar kaki dan lintasan pejalan kaki hendaklah direka bentuk dengan permukaan yang mempunyai corak timbul yang dapat memandu arah OKU yang mempunyai masalah penglihatan.
- Setiap laluan keluar masuk, tangga dan lif hendaklah disediakan *railing* dengan menggunakan bahan yang bersesuaian.

Jadual 9.0: Garis Panduan Khusus Sekolah Pendidikan Khas

Peringkat Sekolah Pendidikan Khas	Pra-sekolah		Pelajaran Rendah		Pelajaran Menengah	
	Kawasan Kategori A *	Kawasan Kategori B	Kawasan Kategori A *	Kawasan Kategori B	Kawasan Kategori A *	Kawasan Kategori B
Keluasan minimum tapak	0.2-1.0 hek. (0.5-2.5 ek.)	0.3-1.5 hek. (0.7-3.7 ek.)	1.5-2.5 hek. (3.7-6 ek.)	2-3 hek. (5-7 ek.)	3-8 hek. (7-20 ek.)	4-10 hek. (10-25 ek.)
Saiz Satu Kelas	10 orang murid		7 orang murid		7 orang murid	
Umur Murid	4 hingga 6 tahun		6 hingga 14 tahun		13 hingga 19 tahun	
Syarat	<ul style="list-style-type: none"> - Disahkan oleh pengamal perubatan. - Boleh mengurus diri tanpa bantuan orang lain. 		<ul style="list-style-type: none"> - Disahkan oleh pengamal perubatan. - Boleh mengurus diri tanpa bantuan orang lain. - Tempoh belajar 6 tahun dan boleh dilanjutkan, maksimum 2 tahun. 		<ul style="list-style-type: none"> - Pelajaran menengah menyediakan 2 jenis aliran iaitu akademik dan vokasional. - Disahkan oleh pengamal perubatan. - Boleh mengurus diri tanpa bantuan orang lain. - Tempoh belajar adalah 5 tahun dan boleh dilanjutkan, maksimum 2 tahun. 	
Komponen kemudahan sokongan mesra OKU	<ul style="list-style-type: none"> - Tandas OKU (hendaklah dibina bersebelahan tandas untuk murid biasa di sekolah dan asrama) - Ramp; i. Di bangunan sekolah: <ul style="list-style-type: none"> - Pintu masuk utama sekolah (bagi kawasan bercerun) - Bangunan sekolah - Laluan dari bangunan ke bangunan lain - Pejabat sekolah - Tandas - Kantin - Dewan sekolah - Bilik-bilik khas (makmal sains, makmal komputer, kesihatan, koperasi, perpustakaan) ii. Di asrama: <ul style="list-style-type: none"> - Laluan masuk bangunan asrama - Tandas - kantin - Kemudahan lif di bangunan 4 tingkat 					

Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kajian Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan JPBD SM, 2011.

Nota :



* *Keluasan tapak minimum (Kawasan Kategori A)* mengandaikan reka bentuk dan susun atur bangunan sekolah pendidikan khas dibina secara menegak (vertical) untuk meminimumkan penggunaan ruang tanah dengan penyediaan kemudahan sokongan yang mencukupi, selesa, selamat dan efisien kepada pelajar dan kakitangan.

Rajah 3.0: Jarak Antara Kemudahan Pendidikan Dengan Kediaman

SEKOLAH RENDAH



SEKOLAH



**iv. Institusi Pengajian Tinggi (IPT)/
Kolej/Politeknik Awam**

- IPT/Kolej/Politeknik perlu disediakan di lokasi yang kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran serta jauh dari kawasan industri.
- Tapak IPT/Kolej/Politeknik perlu terletak berhampiran dengan perkhidmatan kemudahan awam seperti perkhidmatan bas, kereta api/LRT awam.
- Kemudahan yang mesra OKU hendaklah disediakan bagi membolehkan golongan ini mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dengan selesa.
- Kemudahan asrama/kolej kediaman perlu disediakan secukupnya, bersih, selesa dan selamat di samping persekitaran yang kondusif dan menggalakkan suasana bermasyarakat melalui interaksi di antara pelajar.

Jadual 10.0: Garis Panduan Khusus Institusi Pengajian Tinggi (IPT)/Kolej/Politeknik

Perkara	Keperluan Penyediaan
Tadahan penduduk	Diperlukan bagi setiap Negeri/Wilayah
Keluasan minimum	Kawasan Kategori A : 4 – 20 hektar (10 – 50 ekar) *
	Kawasan Kategori B : 8 – 40 hektar (20– 100 ekar)
Nisbah Pelajar/kelas	35 – 60 pelajar/kelas
Komponen utama	<ul style="list-style-type: none"> - Perpustakaan Pusat - Pusat Sumber Fakulti - Bilik/Dewan Kuliah/Dewan Peperiksaan - Bilik Tutorial/Bilik Perbincangan - Studio - Makmal Sains/Kejuruteraan/Bahasa/Komputer, dll - Bengkel - Asrama Pelajar/Kolej Kediaman - Pejabat Hal Ehwal Pelajar/Pejabat Pentadbiran
Komponen kemudahan sokongan	<ul style="list-style-type: none"> - Pusat Kesihatan - Kantin - Gimnasium - Taman Riadah - Padang - Gelanggang Permainan - Bilik Air/Tandas - Pondok Pengawal - Tempat Pembuangan Sampah - Tempat Letak Kereta/Motosikal/Basikal - Lay-by untuk bas dan kereta - Laluan Pejalan Kaki - Masjid/Surau/Bilik Sembahyang

Sumber: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan JPBD SM, 2011

*Nota: * Keluasan minimum tapak (Kawasan Kategori A) mengandaikan reka bentuk dan susun atur bangunan Institusi Pengajian Tinggi/Kolej/Politeknik dibina secara menegak (vertical) untuk meminimumkan penggunaan ruang tanah dengan penyediaan kemudahan sokongan yang mencukupi, selesa, selamat dan efisien kepada pengguna.*

附录8

《第十一马来西亚计划（2016-2020年） 编制指南》

马来西亚首相署经济策划组

2014年12月

Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Malaysia

Disember 2014

(收纳文件的原文全文)

UPE(S)12-11/14/5

TINDAKAN SERTA MERTA



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN
PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS, 2016-2020:
PROSPEK EKONOMI, TERAS STRATEGIK DAN
PENYEDIAAN PROJEK PEMBANGUNAN**

Tujuan

Tujuan Garis Panduan ini ialah untuk:

- i. memaklumkan prospek ekonomi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 (RMKe-11);
- ii. menggariskan teras strategik RMKe-11 ke arah mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020; dan
- iii. memberi panduan kepada kementerian, kerajaan negeri dan badan berkanun mengenai kaedah permohonan projek dalam tempoh 2016-2017 di bawah RMKe-11.

Prospek Ekonomi RMKe-11

2. Ekonomi negara dijangka terus mencatat pertumbuhan yang kukuh dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015 (RMKe-10). Dalam tempoh 2011-2013, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebenar telah mencatat pertumbuhan purata 5.2 peratus setahun. Kadar pertumbuhan ini mencerminkan sebuah ekonomi yang berdaya tahan memandangkan ekonomi dunia yang baru

pulih daripada kesan krisis kewangan pada tahun 2009. Berdasarkan kepada anggaran pertumbuhan pada tahun 2014 dan 2015 semasa pembentangan Bajet 2015 pada Oktober 2014, anggaran pertumbuhan KDNK dalam keseluruhan tempoh RMKe-10 adalah sebanyak 5.3 peratus setahun. Pada akhir tempoh RMKe-10, pendapatan per kapita negara pada harga semasa dijangka meningkat kepada hampir RM37,500 (atau AS\$11,600), iaitu pertambahan sebanyak 6.8 peratus setahun. Selaras dengan kemajuan ekonomi ini, kesejahteraan rakyat daripada pelbagai aspek juga akan meningkat.

3. RMKe-11 merupakan fasa terakhir dalam perancangan lima tahun ke arah mencapai Wawasan 2020 menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Oleh yang demikian, RMKe-11 amat kritikal bagi memastikan objektif tersebut akan tercapai sepenuhnya. Bagi mencapai matlamat ini, dalam tempoh RMKe-11, KDNK sebenar perlu berkembang antara 5-6 peratus setahun selari dengan potensi pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Dengan kadar pertumbuhan tersebut, Keluaran Negara Kasar (KNK) per kapita dijangka dapat melepasi tahap AS\$15,000 menjelang tahun 2020, iaitu anggaran semasa paras minimum pendapatan per kapita bagi sebuah negara berpendapatan tinggi berdasarkan definisi Bank Dunia. Potensi pertumbuhan tersebut akan dapat direalisasikan menerusi peningkatan ketara tahap produktiviti dan inovasi.

4. Sumber perkembangan ekonomi daripada sektor dalam negeri dan luar negeri yang lebih berimbang dijangka dapat memperkukuhkan lagi daya tahan ekonomi. Sektor dalam negeri akan dipacu oleh pelaburan swasta yang lebih berkualiti dan disokong oleh sektor perkhidmatan moden yang berorientasikan pengetahuan dan sektor pembuatan yang menghasilkan produk yang lebih kompleks, pelbagai dan lebih kompetitif di pasaran antarabangsa. Paras harga juga dijangka kekal stabil dan rendah dengan kadar pengangguran di tahap guna tenaga penuh. Kesejahteraan rakyat, terutamanya golongan berpendapatan 40 peratus terendah, akan ditingkatkan lagi supaya hasil pembangunan dapat dinikmati bersama.

5. Bagi memastikan sasaran pertumbuhan ekonomi tercapai, antara cabaran utama yang perlu diatasi adalah:

- i. hampir separuh isi rumah masih berada di tahap pendapatan rendah; dan
- ii. tahap inovasi dan produktiviti masih rendah yang menghakis daya saing eksport negara di pasaran antarabangsa;

- iii. pelbagai isu pasaran buruh seperti kekurangan pewujudan pekerjaan bergaji tinggi, kekurangan pekerja mahir yang diperlukan oleh industri dan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah turut membantut potensi pertumbuhan ekonomi negara serta melembapkan peningkatan kadar upah pekerja;
- iv. kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang masih dalam keadaan defisit telah mengurangkan ruang pengendalian dasar bagi menghadapi sebarang kejutan ekonomi dan keadaan kitaran ekonomi dunia yang semakin tidak menentu;
- v. keperluan untuk memastikan pembangunan negara yang mampan supaya kualiti alam sekitar dan sumber asli kekal terpelihara.


6. Oleh yang demikian, teras strategik RMKe-11 telah dirangka dengan mengambil kira keperluan mengukuhkan struktur ekonomi, meningkatkan pendapatan isi rumah, menggalakkan penggunaan sumber pertumbuhan yang mampan serta memastikan kesejahteraan dan perpaduan rakyat sentiasa terpelihara bagi membolehkan negara mencapai objektif pembangunannya menjelang tahun 2020.

Teras Strategik RMKe-11

7. RMKe-11 akan melaksanakan pendekatan baharu yang dikenali sebagai Strategi Pembangunan Nasional Malaysia atau *Malaysian National Development Strategy* (MyNDS). MyNDS adalah berasaskan ekonomi berteraskan rakyat (*people economy*) yang menekankan peningkatan kesejahteraan rakyat dan ekonomi berasaskan modal (*capital economy*) yang menumpukan kepada pencapaian pendapatan yang tinggi. MyNDS akan memberi keutamaan kepada **inisiatif yang mempunyai impak tinggi terhadap kedua-dua teras tersebut dan boleh dilaksanakan segera dengan kos yang rendah (*high impact, fast execution and low cost*).**

8. Untuk melaksanakan pendekatan ini, satu kerangka perancangan bersepadu yang menghubungkan teras strategik dengan bidang keberhasilan utama (*key result area* - KRA) dan *outcome* nasional telah dibangunkan, seperti ditunjukkan dalam **Rajah 1**. Kementerian, kerajaan negeri dan badan berkanun dikehendaki merancang projek yang dapat menyumbang kepada pencapaian *outcome* nasional.

Rajah 1: Kerangka Perancangan Bersepadu



9. Bagi mencapai matlamat MyNDS, kerangka perancangan bersepadu RMKe-11 akan berasaskan kepada enam teras strategik utama iaitu:

- Teras Pertama : Memperkukuh Pembangunan Inklusif;
- Teras Kedua : Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat;
- Teras Ketiga : Membangun Modal Insan;
- Teras Keempat : Menuju Ke Arah Pertumbuhan Hijau;
- Teras Kelima : Memperkasa Asas Pertumbuhan; dan
- Teras Keenam : Merekayasa Pertumbuhan Ekonomi.

10. Teras strategik RMKe-11 pertama hingga keempat akan menunjangi pembangunan ekonomi berteraskan rakyat dan teras berikutnya akan menyokong pembangunan ekonomi berasaskan modal.

11. Teras pertama, iaitu **Memperkukuh Pembangunan Inklusif** bertujuan untuk memperkasa kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana. Tumpuan pembangunan inklusif akan diperluaskan daripada golongan miskin kepada golongan berpendapatan 40 peratus terendah. Peningkatan penyertaan Bumiputera dan golongan minoriti dalam aktiviti ekonomi juga akan diberi tumpuan di samping mempercepat transformasi bandar dan luar bandar serta memperkukuh pembangunan masyarakat.

12. Teras kedua, iaitu **Meningkat Kesejahteraan Rakyat** akan menambahbaik dan memperluas perkhidmatan penjagaan kesihatan, menyediakan perumahan yang berkualiti dan mampu milik, menambahbaik perkhidmatan kerajaan tempatan, mewujudkan persekitaran yang selamat, memperkukuh perpaduan negara serta memperluas aktiviti sukan.

13. Teras ketiga, iaitu **Membangun Modal Insan** akan memastikan transformasi dalam pembangunan modal insan negara ke arah melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang profesional dan berkemahiran tinggi yang memenuhi keperluan pasaran pekerjaan dalam ekonomi berpendapatan tinggi, meningkatkan kualiti dan produktiviti pekerja bagi menyokong pertumbuhan industri serta meneruskan transformasi sistem pendidikan negara berteraskan *outcome*.

14. Teras keempat, iaitu **Menuju ke Arah Pertumbuhan Hijau** akan memastikan kesejahteraan generasi akan datang menerusi dua aspek utama, iaitu pembangunan kental persekitaran dan pertumbuhan yang berterusan melalui penggunaan sumber secara mampan. Aspek pertama memberi tumpuan kepada kepenggunaan dan pengeluaran secara mampan dan pengurusan risiko bencana. Aspek kedua pula akan memastikan pertumbuhan yang berterusan melalui penggunaan sumber secara mampan yang akan menyentuh mengenai pelaburan dalam aset semulajadi dan kecekapan sumber serta mengukuhkan jaminan sumber.

15. Teras kelima, iaitu **Memperkasa Asas Pertumbuhan** akan meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan dan kemudahan infrastruktur termasuk komunikasi, mewujudkan sistem logistik bersepadu, memastikan penyediaan perkhidmatan berdasarkan kemampuan pengguna dan penyedia perkhidmatan, dan meningkatkan akses kepada sanitasi dan bekalan air serta elektrik.

16. Teras keenam, iaitu **Merekayasa Pertumbuhan Ekonomi** akan menggalakkan peralihan kepada pertumbuhan berkualiti dengan meningkatkan produktiviti, inovasi dan daya saing. Tumpuan akan diberi kepada

mempelbagaikan asas ekonomi dengan menggalakkan aktiviti yang berintensif pengetahuan dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian. Penekanan akan diberi kepada menambahkan pelaburan swasta dalam sektor tersebut serta meningkatkan eksport.

Perancangan dan Pelaksanaan RMKe-11

17. Pendekatan berasaskan *outcome* yang mula dilaksana dalam RMKe-10 akan terus diguna pakai dalam perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan RMKe-11. Selaras dengan pendekatan MyNDS dan bagi mengukuhkan pencapaian *outcome*, kementerian, kerajaan negeri dan badan berkanun hendaklah merancang projek pembangunan yang berimpak tinggi, kos yang rendah dan dapat dilaksanakan dengan cepat.

Agihan Siling Secara RP

18. Perancangan dan pelaksanaan projek menerusi pendekatan RP yang diperkenal dalam RMKe-10 akan diteruskan dalam RMKe-11 bagi memastikan projek baharu dilaksana dengan pantas. Jumlah siling dan peruntukan yang akan diluluskan adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa kerajaan. **Anggaran siling bayangan (*shadow ceiling*)** yang diperkenalkan di bawah RMKe-11 perlu dijadikan panduan oleh kementerian/agensi semasa menyediakan cadangan projek supaya kementerian/agensi tidak mengemukakan permohonan yang berlebihan.

Pelaksanaan Projek RMKe-11

19. Prestasi pelaksanaan menjadi pengukur utama dalam penentuan kejayaan sesebuah projek pembangunan. Bagi mempercepatkan pelaksanaan projek pembangunan, Pegawai Pengawal dibenarkan meminda skop dengan syarat perubahan skop tidak melibatkan pertambahan kos, tidak mengubah jadual asal pelaksanaan projek dan tidak menjejaskan pencapaian *outcome*. Pindaan skop projek pembangunan oleh Pegawai Pengawal hendaklah dimaklumkan kepada UPE, JPM dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.

20. Perubahan lokasi, keadaan geologi dan topografi tapak memberi kesan kepada kos projek. Oleh itu, **kementerian/agensi tidak dibenar untuk mengubah lokasi bagi projek yang telah diluluskan**. Sekiranya tapak yang dipilih tidak sesuai walaupun telah mematuhi garis panduan pemilihan tapak,

yang menyebabkan kos kerja tanah meningkat atau lokasi projek terpaksa dipinda, kementerian/agensi perlu mengemukakan permohonan semula sama seperti permohonan projek baharu. Projek asal yang telah diluluskan akan terbatal.

Penetapan Keutamaan Projek

21. Semasa mengemukakan permohonan projek, kementerian/agensi hendaklah memberi keutamaan dan menyegerakan pelaksanaan:

- i. Projek Sambungan RMKe-10;
- ii. Projek yang mendapat kelulusan khas Kerajaan; dan
- iii. Projek yang telah diluluskan secara berfasa.

22. Bagi permohonan projek pembangunan baharu, keutamaan akan diberi kepada projek yang memberi impak yang besar kepada rakyat (*people economy*) dan pertumbuhan ekonomi (*capital economy*). Bagi mengukuhkan perancangan dan penyediaan projek pembangunan, setiap cadangan projek baharu akan dinilai menggunakan **Creativity Index (CI)** yang merupakan elemen Strategi Lautan Biru. CI adalah nisbah faedah yang diterima oleh rakyat berbanding jumlah kos. Kementerian/agensi hendaklah menyusun keutamaan projek berasaskan CI. Jumlah permohonan siling keseluruhan kementerian/agensi bagi setiap tahun adalah berasaskan anggaran siling bayangan yang ditetapkan.

Penyediaan Projek RP1 (2016-2017)

Pematuhan Akta/Garis Panduan/Pekeliling

23. Bagi membantu kementerian/agensi membuat perancangan projek pembangunan yang akan dilaksana dalam RMKe-11, akta/pekeliling/garis panduan yang masih berkuatkuasa perlu dipatuhi. Akta/pekeliling/garis panduan yang dimaksudkan adalah seperti berikut :-

- i. Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974 (Pindaan 1985), Seksyen 34A;

- ii. Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bil.1 Tahun 2009; Garis Panduan Perancangan dan Penyediaan Projek Pembangunan;
- iii. Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bil.2 Tahun 2009; Garis Panduan dan Peraturan Pemilihan Tapak dan Keperluan Peralatan;
- iv. Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bil.3 Tahun 2009: Garis Panduan Pengurusan Nilai;
- v. Pekeliling Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri Bil.1 Tahun 2009: Garis Panduan Kerjasama Awam Swasta;
- vi. Pekeliling Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bil.3 Tahun 2008: Fungsi Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, Peranan Kementerian/Jabatan Pengguna dalam Perolehan Tanah untuk Kegunaan Kerajaan Persekutuan dan Pengurusan Tanah-tanah Persekutuan Selepas Perolehan;
- vii. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.7 Tahun 2008: Pelaksanaan *Industrialised Building System* (IBS) Dalam Projek Kerajaan;
- viii. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.2 Tahun 2011: Peraturan Perolehan Perkhidmatan Perunding Bagi Projek Atau Kajian Kerajaan; dan
- ix. Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan Oleh Jawatankuasa Standard dan Kos (JSK) Tahun 2008.

Pematuhan Dasar dan Peraturan Umum

24. Dalam merangka projek baharu RMKe-11, kementerian dan kerajaan negeri perlu membuat perancangan secara komprehensif dan mengambil kira pandangan *stakeholders*. Sehubungan ini, tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- i. Kementerian hendaklah berunding dengan jabatan/agensi/badan berkanun di bawah seliaan masing-masing untuk menyediakan projek pembangunan.

- ii. Kerajaan negeri hendaklah mengemukakan kepada kementerian cadangan projek yang menjadi keutamaan negeri melalui unit perancang ekonomi negeri (UPEN) atau jabatan pembangunan persekutuan negeri masing-masing untuk dipertimbangkan oleh kementerian sebelum dikemukakan ke UPE, JPM. Bagi tujuan ini, kementerian hendaklah:
 - a) mengadakan perbincangan dengan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) atau Majlis Tindakan Persekutuan Negeri (MTPNg) untuk memastikan kementerian mengambil kira perancangan pembangunan di peringkat negeri. Perbincangan ini boleh diselaras oleh sekretariat JPN/MTPNg bagi memudahkan kementerian/agensi memperoleh komitmen pihak berkuasa tanah di negeri, pihak berkuasa tempatan dan penyedia utiliti; dan
 - b) semua projek fizikal wajib diteliti oleh unit teknikal di kementerian atau jabatan teknikal bagi kementerian yang tidak mempunyai unit teknikal sebelum dikemukakan kepada UPE, JPM.
- iii. Bagi projek fizikal, perancangan kementerian hendaklah selaras dengan:
 - a) Rancangan Fizikal Negara yang merumuskan dasar strategi pemajuan fizikal negara serta menterjemah objektif pembangunan negara dalam bentuk spatial agar penggunaan tanah dan sumber asli dioptimumkan untuk mencapai pembangunan mampan. Rancangan Fizikal Negara boleh dicapai melalui laman sesawang Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dan
 - b) Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan yang merumuskan cadangan berkenaan pemajuan dan penggunaan tanah serta menggariskan hala tuju pembangunan sesebuah negeri, daerah dan kerajaan tempatan yang boleh diperoleh daripada pihak berkuasa perancang negeri dan daerah.

25. Beberapa badan berkanun telah dikenal pasti mempunyai lebihan yang besar dalam kumpulan wang rezab masing-masing. Dalam mempertimbangkan permohonan projek badan berkanun, kedudukan semasa wang rezab tersebut akan diambil kira. Badan berkanun yang mempunyai sumber kumpulan wang rezab yang besar hendaklah membiayai sebanyak mungkin projek pembangunan masing-masing.

26. Perolehan tanah menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan perlu dipindah milik serta didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP), seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.11 Tahun 2007. Selain itu, Pekeliling Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bil.3 Tahun 2008 menyatakan bahawa PTP mempunyai kuasa untuk memiliki dan melupuskan tanah kepada dan daripada kerajaan persekutuan. Pemilikan tanah adalah penting untuk memastikan projek sedia dilaksanakan. **Permohonan bagi projek binaan tidak akan dipertimbangkan sehingga urusan perolehan dan pemilikan tanah selesai.**

27. Peraturan yang menetapkan *Value Management* (VM) perlu dilaksanakan ke atas projek fizikal (binaan dan peralatan) dengan kos melebihi RM50.0 juta dikekalkan. Selain itu, bagi projek fizikal dengan kos projek melebihi RM5.0 juta adalah diwajibkan untuk mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Standard dan Kos yang diurusetia oleh Seksyen Pengurusan Nilai, UPE, JPM.

28. Selain daripada garis panduan di atas, kementerian perlu juga mengambil kira aspek kemampanan yang memberi penekanan kepada alam sekitar di dalam perancangan dan penyediaan projek pembangunan. Oleh itu, penggunaan instrumen perancangan alam sekitar seperti *Environmental Impact Assessment* (EIA) akan diteruskan dalam RMKe-11 untuk memastikan pembangunan mampan.

29. **Bagi menjelaskan maksud Belanja Pembangunan dan Belanja Mengurus serta mengelak pertindihan atau kecaciran permohonan, kementerian/agensi perlu mematuhi klasifikasi pembiayaan peruntukan berdasarkan Senarai Klasifikasi Pembiayaan Projek di bawah Belanja Pembangunan dan Belanja Mengurus seperti di Lampiran A.**

30. Pemantauan kemajuan pelaksanaan projek kerajaan negeri yang dibiayai oleh kerajaan pusat adalah di bawah tanggungjawab kementerian/agensi. Oleh itu, kementerian/agensi perlu bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk memantau bagi memastikan projek berjalan dengan lancar. Pemantauan ini boleh dibuat dengan menggunakan pelbagai pendekatan termasuk JPN/MTPNg.

31. Bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan agihan peruntukan untuk projek penyelidikan dan pembangunan dan pengkomersilan (R&D&C), ICT dan Kuarters, semua cadangan projek baharu akan dinilai dan diperaku kepada UPE, JPM oleh kementerian/agensi/jawatankuasa berikut:

- i. Jawatankuasa Pelaburan Dana Awam (JKPDA) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi – projek R&D&C;
 - ii. Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) di bawah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) – projek ICT; dan
 - iii. Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (BPH, JPM) – projek kuarters.
32. Sebagai usaha untuk memantapkan perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan dalam RMKe-11, kementerian/agensi hendaklah mengambil tindakan berikut:

- i. **Memastikan maklumat projek dalam Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) adalah tepat dan lengkap. Brif Projek akan dijana daripada SPP II untuk digunakan oleh jabatan teknikal/agensi pelaksana bagi memulakan urusan pra pelaksanaan projek dalam tahun projek diluluskan;**
- ii. **Mengesahkan tapak/tanah tiada bebanan/tuntutan dan sedia dimasuki oleh kontraktor menerusi maklum balas pihak berkuasa tanah di negeri atau Borang K (projek jalan raya) dalam SPP II; dan**
- iii. **Mesti menggunakan *Pre-Approved Plan* bangunan yang telah disediakan oleh Jabatan Kerja Raya. Sebarang perubahan mesti dibincangkan dengan Jabatan Teknikal.**

33. Kementerian/agensi perlu memulakan kerja-kerja peringkat pra pelaksanaan (penyediaan dokumentasi perolehan) sebaik sahaja mendapat senarai projek daripada UPE, JPM. Sehubungan ini, pelaksanaan projek boleh dipercepat dengan mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada kontraktor pada awal tahun pelaksanaan.

Kaedah Mengemukakan Permohonan Projek

34. Semua permohonan projek hendaklah dikemukakan secara *online* melalui Modul e-permohonan yang telah ditambah baik termasuk menu CI di dalam SPP II.

35. Bagi menyokong setiap cadangan projek pembangunan baharu, kementerian **wajib** menyediakan perkara berikut **sebagai lampiran** di dalam SPP II:

- i. Borang Jadual Keperluan Ruang bagi projek fizikal binaan atau ubah suai (rujuk **Lampiran B**);
- ii. Pengesahan brif projek oleh pengguna ruang dan agensi pelanggan (rujuk **Lampiran C**);
- iii. Borang Penilaian Tapak dan Laporan Lawatan Tapak bagi projek bangunan (rujuk Lampiran 2 dan 3 dalam Pekeliling UPE, JPM Bil.2 Tahun 2009);
- iv. Borang Permohonan Peralatan bagi projek perolehan peralatan (rujuk Lampiran 4 dalam Pekeliling UPE, JPM Bil.2 Tahun 2009);
- v. Borang K atau tanah atas nama PTP/badan berkanun Persekutuan; dan
- vi. *Logical Framework Matrix* (rujuk Lampiran 2 dalam Garis Panduan Kedua RMKe-10).

Tarikh mengemukakan cadangan projek

36. Tarikh untuk kementerian/agensi mengemukakan cadangan projek kepada UPE, JPM (selepas diselaraskan di peringkat negeri) melalui SPP II bermula 1 Januari sehingga 31 Mac 2015.

Pegawai Perhubungan

37. Setiap kementerian, unit perancang ekonomi negeri (UPEN) dan Jabatan Pembangunan Persekutuan hendaklah melantik seorang pegawai kanan yang akan bertanggungjawab untuk berhubung dengan UPE, JPM bagi menyelaraskan kerja penyediaan RMKe-11. Nama pegawai tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Urus Setia RMKe-11 dalam tempoh dua minggu dari tarikh Garis Panduan ini.

38. UPE, JPM akan menyelaraskan permohonan projek melalui pegawai perhubungan yang telah dilantik oleh kementerian/agensi dan UPEN atau Jabatan Pembangunan Persekutuan.

Pertanyaan Berhubung Garis Panduan

39. Sebarang pertanyaan, surat-menyurat dan e-mel mengenai Garis Panduan ini hendaklah dikemukakan kepada:

Urus Setia
Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11)
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Blok B5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

u.p. : En. Adam bin Sulong
Pengarah Seksyen Bajet Pembangunan
Tel : 03 8872 5446/ 5451/ 5453/ 5971/ 5449
Faks : 03 8888 3768
E-mel : rmk11_gp@epu.gov.my

40. Semua kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun Persekutuan/IPTA dan kerajaan negeri adalah diminta memberi kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan penyediaan RMKe-11, iaitu pelan indikatif hala tuju pembangunan negara dalam tempoh 2016-2020 untuk mencapai agenda menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI DR. ALI HAMSA)
Ketua Setiausaha Negara
selaku Pengerusi
Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara
JABATAN PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA

19 Disember 2014
26 Safar 1436H

LAMPIRAN A

**SENARAI KLASIFIKASI PEMBIAYAAN PROGRAM DAN PROJEK DI BAWAH
BELANJA PEMBANGUNAN (DE) DAN BELANJA MENGURUS (OE)**

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
1.	<p>BINA BAHARU, NAIK TARAF DAN UBAH SUAI</p> <p><u>Definisi:</u></p> <p>a. <u>Bina baharu:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerja-kerja pembinaan bangunan/ infrastruktur baharu. • Perolehan kelengkapan dan peralatan adalah secara pakej bagi melengkapkan fungsi bangunan/ infrastruktur. <p>b. <u>Naik taraf</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerja-kerja menaik taraf fizikal bangunan/ infrastruktur sedia ada ke tahap yang lebih baik (termasuk membina bangunan tambahan). • Melibatkan kerja-kerja merubah struktur/ saiz sedia ada. • Perolehan kelengkapan/perabot dan peralatan adalah secara pakej bagi melengkapkan fungsi bangunan/ infrastruktur yang dinaik taraf. <p>c. <u>Ubah suai:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerja-kerja ubah suai bangunan/ infrastruktur sedia ada yang tidak melibatkan perubahan struktur dan pertambahan saiz seperti ubah suai dalaman bangunan. • Perolehan kelengkapan dan peralatan adalah secara pakej bagi melengkapkan fungsi bangunan/ infrastruktur yang di ubah suai dan bukan penggantian peralatan sedia ada. 			

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	i. Bina baharu, naik taraf dan ubah suai bangunan/ infrastruktur termasuk perolehan pakej kelengkapan/ perabot dan peralatan		√	<ul style="list-style-type: none"> • Pembinaan sekolah baharu 42 bilik darjah beserta kelengkapan perabot dan lain-lain kemudahan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pengerang Utama, Kota Tinggi, Johor • Menaiktaraf Jalan Kg. Sinar Jaya, Kinabatangan, Sabah • 00600 - Ubahsuai, Naik taraf dan Pembaikan (KKM)
2.	<p>PENYELENGGARAAN</p> <p><u>Definisi:</u></p> <p>a. Kerja-kerja penyelenggaraan aset/harta modal bagi mengesan, mencegah atau memperbaiki kerosakan/ kecacatan supaya dapat berfungsi sepenuhnya atau sentiasa berada dalam keadaan baik/ sempurna. Contoh: penyelenggaraan bangunan dan kelengkapan perabot/ peralatan, kenderaan dan jentera, infrastruktur (jalan, jalan raya, jambatan, longkang, <i>culvert</i>) dan sebagainya; dan</p> <p>b. Kerja-kerja penyelenggaraan tidak mengubah struktur asal bangunan/ infrastruktur.</p>			

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	i. Kerja-karya <u>penyelenggaraan dan pembaikan</u> kompleks/ bangunan / infrastruktur dan melibatkan kos melebihi RM100 juta		√	
	ii. <u>Penyelenggaraan dan pembaikan kecil/ berulang</u> seperti mengecat, menukar lampu, kepala paip, pam tandas, <i>wiring</i> , siling, bumbung, dinding, pagar, kerosakan infrastruktur dan kompleks/ bangunan, kemudahan mekanikal dan elektrik termasuk penggantian kelengkapan/ perabot dan peralatan.	√		<ul style="list-style-type: none"> • 070500 - Pembaikan Bangunan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia • Pendawaian Semula (Elektrik) Pusat Sumber

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	iii. <u>Penyelenggaraan rutin seperti <i>resurface</i> & <i>partial construction</i>, tampal lubang, baiki bahu jalan, garis jalan, papan tanda, kelengkapan jalan raya, membersihkan longkang tepi jalan, lampu jalan, memotong rumput, cuci perparitan dan sebagainya</u>	√		<ul style="list-style-type: none"> • Program MARRIS JKR • 121100 - Penyelenggaraan Sistem Pengairan dan Saliran Kawasan IADA dan Pertanian
	iv. <u>Penyelenggaraan secara perkhidmatan berkala/ kontrak ke atas kenderaan dan jentera (termasuk kenderaan dan jentera berat), kapal, bot, peralatan, kumbahan, penghawa dingin, lif, pam, eskalator, kolam air pancur, kerja-kerja pembersihan, makhluk perosak, keselamatan, haiwan, benih dan sebagainya</u>	√		

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
3.	PEROLEHAN ASET TETAP			
	i. Perolehan tanah/ tapak untuk pembangunan merangkumi kerja awalan tanah/ tapak seperti pembersihan tanah, kerja ukur, penyiasatan tanah, rawatan tanah dan pemagaran		√	<ul style="list-style-type: none"> 03900 - Pembelian Tanah (Pendidikan) Pelbagai Negeri (KPM)
	ii. Bayaran premium tanah bagi tujuan pembangunan termasuk bayaran tunggakan		√	
	iii. Perolehan bangunan sebagai program/ projek pembangunan		√	<ul style="list-style-type: none"> Projek Makanan Halal di Taman Pengeluaran Produk Usahawan (TPPU) Pedas Pembelian Bangunan Bagi Kegunaan Kompleks Penyayang Sarawak

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
4.	PEROLEHAN HARTA MODAL			
	i. Perolehan peralatan dan kelengkapan pejabat (secara pakej/ bersekali dengan bangunan/ infrastruktur)		√	<ul style="list-style-type: none"> • Pembinaan sekolah baharu 42 bilik darjah beserta kelengkapan perabot dan lain-lain kemudahan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pengerang Utama, Kota Tinggi, Johor
	ii. Perolehan peralatan dan mesin baharu/ menaik taraf peralatan sebagai program/ projek pembangunan		√	<ul style="list-style-type: none"> • 01100 - Peralatan dan Kenderaan (KKM) • Perolehan Peralatan Saintifik (MOSTI) • Menaiktaraf Konsol Kawalan Reaktor (MOSTI)
	iii. Perolehan kenderaan bagi tujuan operasi seperti kereta peronda polis, kereta bomba, JPJ dan ambulan		√	<ul style="list-style-type: none"> • Perolehan Kereta Peronda Polis (MPV) Jenis 4WD • 01100 - Peralatan dan Kenderaan (KKM)
	iv. Perolehan kapal, bot, helikopter, kapal terbang, kapal selam		√	<ul style="list-style-type: none"> • 00600 - Kelengkapan (MINDEF/TUDM)

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	v. Perolehan haiwan, pokok & benih berkaitan pembangunan seperti pembelian baka ikan untuk pengeluaran benih dan pemprosesan ikan		√	<ul style="list-style-type: none"> 10750 - Pengeluaran Bibit dan Baka Lembu (MOA)
	vi. Perolehan kenderaan pejabat seperti kereta, bas dan coaster (urusan pentadbiran)	√		<ul style="list-style-type: none"> One-off kenderaan/ jentera - Pembelian kenderaan pejabat
	vii. Perolehan penggantian/ tambahan peralatan & kelengkapan pejabat (bukan secara pakej dengan bangunan/ infrastruktur)	√		<ul style="list-style-type: none"> One-off harta modal – Pembelian 10 unit komputer
	viii. Perolehan pokok dan benih yang tidak berkaitan dengan pembangunan seperti untuk hiasan pejabat	√		<ul style="list-style-type: none"> Senggaraan Landskap Pejabat

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
5.	PEMBANGUNAN MODAL INSAN/LATIHAN			
	i. Perbelanjaan yang melibatkan pembangunan modal insan kumpulan sasar		√	<ul style="list-style-type: none"> • 08400 – Projek Skim Geran Galakan Untuk Orang Kurang Upaya (OKU) • Skim Kemahiran & Kerjaya 1Malaysia
	ii. Perbelanjaan yang melibatkan pembangunan modal insan untuk kakitangan kementerian/ agensi	√		<ul style="list-style-type: none"> • Seminar, persidangan, kursus dan sebagainya
6.	PERBELANJAAN- PERBELANJAAN LAIN			
	i. Bayaran konsesi projek-projek PFI/PPP	√		<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran CAPEX PFI/PPP (Mesyuarat Jawatankuasa Fiskal pada 22 Jun 2013 memutuskan dibiayai di bawah DE mulai 2015)
	ii. Pembangunan sistem dan fi/ yuran langganan/ lesen perisian secara program/ pakej		√	

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	iii. Penyelenggaraan sistem dan fi/ yuran langganan/ lesen perisian bukan secara program/ pakej	√		
	iv. Perolehan perkhidmatan ICT	√		
	v. Promosi dan pengiklanan program yang menyumbang kepada KDNK (pelancongan & pelaburan)		√	<ul style="list-style-type: none"> • Program promosi pelancongan (MOTAC) • Program penggalakan pelaburan (MITI)
	vi. Dana & tabung seperti Dana Pelaburan Strategi, <i>Techno Fund</i> dan <i>Science Fund</i>		√	<ul style="list-style-type: none"> • Dana untuk pemangkin Inovasi & Penyelidikan & Pembangunan
	vii. Ekuiti		√	<ul style="list-style-type: none"> • Dana Ekuiti Nasional Berhad
	viii. Kajian dan bayaran pakar perunding untuk projek pembangunan		√	<ul style="list-style-type: none"> • Kajian Kejuruteraan Rapid Transit System
	ix. Sewaan dan pajakan	√		

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	x. Bayaran bil utiliti	√		<ul style="list-style-type: none"> 100800 - Kos Operasi & Penyelenggaraan Lampu Jalan Kampung KKLW
	xi. Bayaran pampasan/ ganti rugi yang ditanggung oleh Kerajaan	√		
	xii. Bayaran emolumen, elaun dan bantuan tunai kakitangan termasuk kakitangan lantikan kontrak/ sementara	√		
	xiii. Tuntutan perjalanan dalam dan luar negara	√		
	xiv. Penganjuran majlis perasmian/ pecah tanah projek pembangunan	√		
	xv. Perolehan bahan bercetak, bahan mentah, bahan pakai buang dan seumpamanya	√		

Disediakan oleh:
 Seksyen Bajet Pembangunan
 Unit Perancang Ekonomi
 Jabatan Perdana Menteri

LAMPIRAN B

CONTOH FORMAT JADUAL KEPERLUAN RUANG

BIL	NAMA RUANG	KAPASITI	BILANGAN RUANG	JAWATAN	KELUASAN/ PENGGUNA	SAIZ RUANG

LAMPIRAN C

CONTOH FORMAT PENGESAHAN BRIF PROJEK OLEH
PENGGUNA RUANG DAN AGENSI PELANGGAN

PENGESAHAN BRIF PROJEK

SAYA BERSETUJU DAN MENGESAHKAN SEMUA MAKLUMAT
DALAM BRIF PROJEK INI MENEPATI KEPERLUAN PROJEK
DAN KEPERLUAN KEMENTERIAN/JABATAN/BAHAGIAN KAMI.

TANDATANGAN PENGGUNA

NAMA:

JAWATAN:

COP RASMI:

TANDATANGAN AGENSI PELANGGAN

NAMA:

JAWATAN:

附录9

《移交拥有权给联邦作为学校地段的 政府土地之统一地价率》

马来西亚首相署经济策划组

Penyeragaman Kadar Premium Tanah-tanah Kerajaan yang Diberimilik kepada Persekutuan untuk Tapak Sekolah

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 1/1997

(收纳文件的原文全文)



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 1/1997**

**Penyeragaman Kadar Premium Tanah-Tanah Kerajaan Yang
Diberimilik Kepada Persekutuan Untuk Tapak Sekolah**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menasihatkan Pentadbir-pentadbir Tanah mengenai kadar premium tanah-tanah Kerajaan yang diberimilik kepada Persekutuan untuk tapak-tapak sekolah hendaklah diseragamkan kepada nominal tidak melebihi RM 1,000 bagi setiap hakmilik.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Memandangkan pertumbuhan yang pesat dalam bidang pendidikan maka sebahagian besar peruntukan yang ada digunakan untuk memiliki tapak-tapak atau kawasan yang sesuai bagi dijadikan sekolah dan institusi pendidikan. Sebahagian besar peruntukan yang sedia ada digunakan untuk kos premium tapak/tanah dan keadaan ini menjejaskan peruntukan untuk tujuan-tujuan lain yang sama pentingnya dalam bidang pendidikan. Oleh yang demikian Kerajaan Persekutuan berpendapat adalah Wajar Kerajaan--kerajaan Negeri menyeragamkan kadar premium tanah-tanah Kerajaan yang diberimilik kepada Persekutuan bagi tapak sekolah dengan dikenakan premium nominal bagi mengurangkan kos membangunkan sekolah yang memberi faedah sepenuhnya kepada rakyat/Kerajaan Negeri.

3. KEPUTUSAN MAJLIS TANAH NEGARA

- 3.1 Cadangan Kerajaan Persekutuan tersebut telah dibawa ke dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) Ke-53 yang telah diadakan pada 25 April 1997 di mana mesyuarat telah bersetuju supaya tanah-tanah Kerajaan Negeri yang diberimilik kepada Kerajaan Persekutuan atas

nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi Tujuan mendirikan sekolah hendaklah dikenakan kadar premium nominal tidak melebihi RM 1,000 bagi setiap hakmilik. Kadar ini tidak termasuk tanah-tanah yang diambil balik oleh Pihak Berkuasa Negeri dengan perbelanjaannya sendiri.

- 3.2. Fasal (4) Perkara 91 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa apa-apa dasar yang dibentuk oleh MTN hendaklah dipatuhi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan Persekutuan.

4. PERAKUAN


- 4.1 Selaras dengan keputusan MTN tersebut maka dinasihatkan pentadbir-pentadbir tanah supaya memperakukan kepada Pihak Berkuasa Negeri kadar premium tidak melebihi RM 1,000 bagi setiap hakmilik ke atas pemberimilikan tanah-tanah Kerajaan kepada Kerajaan Persekutuan untuk tapak sekolah. Kadar nominal ini hanya berkuatkuasa bagi kes-kes pemberimilikan tanah yang diluluskan selepas tarikh keputusan MTN Ke-53 iaitu 25 April 1997. Bagi pemberimilikan tanah tapak sekolah yang diluluskan sebelum 25 April 1997, kadar premium yang ditetapkan oleh MTN Ke 49 iaitu $\frac{1}{4}$ harga pasaran hendaklah dipatuhi.

5 PERSETUJUAN PENGARAH-PENGARAH TANAH DAN GALIAN

- 5.1 Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah-pengarah Tanah Dan Galian.

6. TARIKH KUATKUASA

- 6.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh Mesyuarat Majlis Tanah Negara Ke-53 iaitu mulai 25 April 1997 bagi Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sahaja.



(DATO' WAN ABDUL WAHID BIN HJ. WAN HASSAN)

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

No. Fail : KTPK/101/UTP/799-4

Tarikh : 17 Oktober 1997

附录10

《在获取土地供联邦政府使用和在所获取后的 联邦土地管理方面，联邦土地专员的功能和 使用者部门/局的角色》

马来西亚联邦土地专员2008年3号通令

**Fungsi Pesuruhjaya Tanah Persekutuan,
Peranan Kementerian/Jabatan Pengguna dalam
Perolehan Tanah untuk Kegunaan Kerajaan
Persekutuan dan Pengurusan Tanah-tanah
Persekutuan Selepas Perolehan**

Pekeliling Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bilangan 3 Tahun 2008

(只收纳文件的部分原文)



**PEKELILING
PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN
BIL 3/2008**

**FUNGSI PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN,
PERANAN KEMENTERIAN/JABATAN PENGGUNA DALAM
PEROLEHAN TANAH UNTUK KEGUNAAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN TANAH-TANAH
PERSEKUTUAN SELEPAS PEROLEHAN**

**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN (PERSEKUTUAN)
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**PEKELILING
PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN
BIL 3/2008**

Isi Kandungan

<u>Bil</u>	<u>Perkara</u>	<u>Muka Surat</u>
i.	Fungsi Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, Peranan Kementerian / Jabatan Pengguna Dalam Perolehan Tanah Untuk Kegunaan Kerajaan Persekutuan Dan Pengurusan Tanah-Tanah Persekutuan Selepas Perolehan	7 - 11
ii.	Lampiran 'A' - Peranan / Fungsi Pesuruhjaya Tanah Persekutuan	13
	Lampiran 'B' - Permohonan Kementerian / Jabatan Pengguna Untuk Mendapat Suatu Hakmilik Di Atas Tanah Kerajaan / Tanah Rizab Persekutuan	15
	Lampiran 'C' - Permohonan Kementerian / Jabatan Pengguna Untuk Memohon Perizaban Tanah Persekutuan	43
	Lampiran 'D' - Permohonan Kementerian / Jabatan Pengguna Untuk Memohon Mendapatkan Permit Ruang Udara	49
	Lampiran 'E' - Permohonan Kementerian / Jabatan Pengguna Untuk Mendapatkan Lesen Pendudukan Sementara (LPS)	55
	Lampiran 'F' - Permohonan Kementerian / Jabatan Pengguna Untuk Mendapat Suatu Tanah Milik Di Bawah Akta Pengambilan Tanah, 1960	63
	Lampiran 'F (6)' - Permohonan Kementerian / Jabatan Pengguna Untuk Pengambilan Tanah Bagi Tujuan Menggunakan Tanah Milik Secara Sementara Di Bawah (Bahagian VII), Akta Pengambilan Tanah 1960	99
	Lampiran 'G' - Permohonan Pembelian Tanah Oleh Kerajaan Persekutuan Daripada Orang Persendirian / Syarikat / Badan Berkanun	119
	Lampiran 'H' - Permohonan Bagi Mendaftarkan Perletakhakan Tanah Kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan	139
iii.	Lampiran 'I' - Pengurusan Tanah Persekutuan Selepas Perolehan	145 - 261

**PEKELILING
PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN
BIL 3/2008**

**FUNGSI PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN,
PERANAN KEMENTERIAN / JABATAN PENGGUNA DALAM
PEROLEHAN TANAH UNTUK KEGUNAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
DAN PENGURUSAN TANAH-TANAH PERSEKUTUAN
SELEPAS PEROLEHAN**

~~~~~

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan mengenai:

- 1.1 fungsi Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP);
- 1.2 peranan Kementerian/Jabatan Pengguna (KJP) dalam perolehan tanah untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan; dan
- 1.3 pengurusan tanah Persekutuan selepas perolehan.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Secara umumnya, tanah Persekutuan dinyatakan di bawah **Bab IV Perlembagaan Persekutuan** di dalam dua (2) bentuk iaitu bentuk hakmilik dan rizab. Sementara itu, terdapat juga tanah Kerajaan Negeri yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan seperti yang dinyatakan di bawah **Perkara 166(3) Perlembagaan Persekutuan** (tanah di Pulau Pinang dan Melaka).
- 2.2 Bagi tanah rizab, terdapat dua (2) bentuk pengiktirafan yang diperuntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu

tanah rizab yang diwartakan di bawah **Perkara 85 (i), (ii)** dan **(iv)** serta tanah rizab yang diiktiraf secara automatik tanpa warta iaitu tanah yang diduduki sebelum dan pada hari Merdeka ianya menjadi kegunaan Kerajaan Persekutuan **[Perkara 85(5) (iii)]**.

2.3 Cara perolehan tanah untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan tidak dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan tetapi perlu mengikuti prosedur yang telah sedia ada di dalam undang-undang tanah berkuatkuasa di negeri-negeri berkenaan seperti Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, Akta Pengambilan Tanah 1960 dan peraturan/kaedah yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh pihak-pihak yang berkenaan. Di bawah KTN, 1965 juga ada dinyatakan lain-lain bentuk pemegangan tanah seperti permit, lesen pendudukan sementara, permit ruang udara dan lain-lain di mana ianya juga boleh dipegang oleh Kerajaan Persekutuan.

### **3. PERANAN/FUNGSI PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN (PTP)**

3.1 Di dalam setiap perolehan tanah Persekutuan terdapat sekurang-kurangnya dua (2) pihak yang terlibat iaitu Kementerian/Jabatan Pengguna (KJP) dan PTP. Secara amnya KJP berperanan untuk mengenalpasti (termasuk memohon tanah melalui PTP), membangun dan mengawal tanah Kerajaan Persekutuan. Sementara PTP pula berperanan sebagai '**custodian**' kepada tanah-tanah Persekutuan.

3.2 PTP diperbadankan di bawah Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (Pemerbadanan) 1957 (Semakan 1988-Akta 349) bagi menjalankan kuasa memiliki dan melupuskan tanah-tanah kepada dan daripada Kerajaan Persekutuan. Oleh itu,

segala harta tanah kepunyaan Kerajaan Persekutuan adalah terletak di atas nama PTP.

3.3 Mengikut Akta berkenaan, ***'harta' meliputi semua aset, kepentingan, ismen dan hak, sama ada menurut ekuiti atau undang-undang pada, kepada atau daripada harta dan benda dalam tindakan.***

3.4 Peranan/Fungsi PTP adalah seperti di **Lampiran 'A'**.

#### **4. CARA PEROLEHAN TANAH DAN PERANAN KJP**

Secara umumnya terdapat tujuh (7) cara perolehan tanah untuk projek-projek Kerajaan Persekutuan. Perolehan-perolehan ini melibatkan status tanah yang berbeza seperti berikut:

4.1 Perolehan ke atas tanah Kerajaan Negeri dibuat melalui:

- (a) permohonan pemberimilikan – sila rujuk **Lampiran 'B'**;
- (b) permohonan perizapan – sila rujuk **Lampiran 'C'**;
- (c) permohonan permit ruang udara – sila rujuk **Lampiran 'D'**; dan
- (d) permohonan lesen pendudukan sementara – sila rujuk **Lampiran 'E'**.

4.2 Perolehan ke atas tanah milik untuk dibuat melalui:

- (a) permohonan pengambilan tanah atau penggunaan tanah secara sementara di bawah Akta Pengambilan Tanah, 1960 - sila rujuk **Lampiran 'F'**;
- (b) pembelian tanah milik melalui **Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11/2007 (SPP 11/2007)** - sila rujuk **Lampiran 'G'**; dan
- (c) perletakhakan tanah kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan melalui undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen - sila rujuk **Lampiran 'H'**.

## **5. PENGURUSAN TANAH PERSEKUTUAN SELEPAS PEROLEHAN**

- 5.1 Tanah-tanah yang telah diperolehi perlu diuruskan dengan cekap dan berkesan supaya penggunaannya dapat dioptimumkan. Kaedah pengurusan ini dinyatakan seperti di **Lampiran 'I'**.
- 5.2 Semua perolehan tanah untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan dengan mengguna peruntukan/pembiayaan sama ada melalui geran atau pinjaman dan sama ada pembiayaan sepenuhnya atau sebahagian daripada kos projek/perbelanjaan oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah didaftar atas nama PTP.

- 5.3 Pegawai-pegawai KJP digalakkan untuk menghadiri kursus-kursus tanah yang dianjurkan oleh Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) dari semasa ke semasa.

## 6. KUATKUASA PEKELILING

- 6.1 Pekeliling PTP Bil 2/2003 adalah **dibatalkan**
- 6.2 Pekeliling ini hanya berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia sahaja **kecuali** bagi urusan pembelian di bawah SPP 11/2007 ~~dan perletakhakan tanah~~, yang akan berkuatkuasa di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan, Labuan.
- 6.3 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan.



[ DATO' ZOAL AZHA BIN YUSOF ]  
Pesuruhjaya Tanah Persekutuan

Tarikh : 25 Jun 2008

Ruj : JKPTG/101/UTP/799-6  
JKPTG/101/KPU/799-5 (6)

**PERANAN / FUNGSI PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN**

1. Mengurus perolehan tanah-tanah untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan (termasuk perletakhakan tanah kepada PTP).
2. Mengurus penyimpanan, penyelenggaraan dan pengemaskinian rekod-rekod tanah Persekutuan.
3. Mengurus pelupusan tanah Persekutuan melalui penyewaan, pajakan, pindah milik dan lain-lain urusan tanah termasuk pelepasan/penyerahan balik tanah.
4. Mengurus pembayaran cukai tanah ke atas semua tanah milik Persekutuan (cukai semasa).
5. Membantu KJP di dalam perancangan guna tanah yang belum dibangunkan melalui pendekatan tukarguna tanah.
6. Membantu KJP di dalam pengurusan pengawalan tanah-tanah Persekutuan.
7. Memberi nasihat teknikal di dalam bidang pengurusan dan perundangan tanah kepada semua KJP dan Kerajaan Persekutuan.

**PERMOHONAN OLEH KEMENTERIAN / JABATAN PENGGUNA  
UNTUK MENDAPAT SUATU HAKMILIK DI ATAS TANAH  
KERAJAAN/TANAH RIZAB PERSEKUTUAN**

| LANGKAH UTAMA                                          | PERKARA-PERKARA UNTUK DIAMBIL PERHATIAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | RUJUKAN                                                          |
|--------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------|
| <p>1. Cadangan Memiliki Tanah</p> <p>(i) KJP</p>       | <p><u>Catatan :-</u></p> <p><i>Tanah-tanah di dalam Kawasan Penempatan Beramai-ramai (Group Settlement Area) untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan tidak boleh dipohon milik kecuali dirizabkan sahaja mengikut Seksyen 8, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Beramai-Ramai), 1960.</i></p> <p>(a) Pastikan peruntukan mencukupi untuk tujuan bayaran:</p> <p>(i) pendaftaran permohonan;</p> <p>(ii) cukai Tanah Tahun Pertama;</p> <p>(iii) premium;</p> <p>(iv) penyediaan dan pendaftaran hakmilik;</p> <p>(v) bayaran Caruman Parit (jika dikenakan)</p> <p>(b) Berunding dengan Pentadbir Tanah Daerah (PTD) mengenai kesesuaian tanah.</p> <p>(c) Membuat lawatan ke atas tapak bersama PTD dan JKPTG Negeri berkenaan bagi menentukan kesesuaian tanah.</p> | <p>Pekeliling KPTG Bil. 17/1976 –<br/><b>Lampiran 'B(1)'</b></p> |
| <p>2. Persediaan Membuat Permohonan</p> <p>(i) KJP</p> | <p>a) Perkara-perkara yang perlu diperolehi daripada Pejabat Tanah (PT) ialah:</p> <p>(i) Butiran Tanah;</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |                                                                  |

| LANGKAH UTAMA                                   | PERKARA-PERKARA UNTUK DIAMBIL PERHATIAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | RUJUKAN                                                               |
|-------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------|
|                                                 | <p>Pelan tanah berkenaan yang mengandungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• keluasan tanah;</li> <li>• nombor P.T/nombor lot (jika ada) termasuk juga tanah-tanah yang bersempadan;</li> <li>• nama Mukim, Seksyen/Bandar, Daerah dan Negeri; dan</li> <li>• sempadan kawasan tanah yang dipohon perlu diwarnakan merah.</li> </ul> <p>(ii) Borang permohonan tanah mengikut Kaedah Tanah Negeri (Jadual 1); dan</p> <p>(iii) Lain-lain maklumat diperlukan (jika ada)</p> <p>(b) Pengesahan status tanah daripada JKPTG Negeri.</p> <p>(c) Bayaran fee permohonan tanah (wang pos/cek) atas nama Pentadbir Tanah berkaitan. Bagi Selangor atas nama 'Bendahari Negeri Selangor'.</p> <p><i>Catatan:<br/>Sekiranya KJP ingin memasuki tapak lebih awal maka KJP perlulah mengemukakan permohonan kepada Pentadbir Tanah melalui JKPTG selepas permohonan pembermilikan dibuat dan fee dijelaskan.</i></p> | <p>} Pekeliling PTP<br/>} Bil 1/2007<br/>}- Lampiran 'B (2)<br/>}</p> |
| <p>3. KJP Membuat Permohonan</p> <p>(i) KJP</p> | <p>KJP perlu mengemukakan permohonan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) bersama-sama perkara berikut:</p> <p>(a) lapan (8) salinan borang Jadual 1;</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | <p>Kaedah Tanah Negeri</p>                                            |



| LANGKAH UTAMA                                                                                            | PERKARA-PERKARA UNTUK DIAMBIL PERHATIAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | RUJUKAN |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
|                                                                                                          | <p>(b) lapan (8) salinan pelan yang lengkap bagi semua negeri kecuali 45 salinan bagi Negeri Melaka;</p> <p>(c) cek/wang pos untuk fee pendaftaran;</p> <p>(d) borang pengesahan daripada JKPTG Negeri;</p> <p>(e) Borang 'K' (jika tanah dibuat pengambilan); dan</p> <p>(f) Lain-lain maklumat yang diperlukan (jika ada)</p>                                                                                                 |         |
| <p><b>4. Menerima Permohonan</b></p> <p>(i) PTP [Seksyen Harta Tanah Persekutuan (SHTP)]</p>             | <p>(a) Menerima, menyemak dan buat charting syit-litho/map-info.</p> <p>(b) Menandatangani pelan dan borang permohonan.</p> <p>(c) Menyediakan surat iringan.</p> <p>(d) Mengemukakan dua (2) salinan permohonan kepada Pentadbir Tanah.</p> <p>(e) Dua (2) salinan permohonan kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri berkaitan.</p> <p>(f) Sesalinan kepada KJP, agensi, JKPTG Negeri dan simpanan dalam fail permohonan.</p> |         |
| <p><b>5. Memproses/ Memantau Permohonan</b></p> <p>(i) Pentadbir Tanah (PT)</p> <p>(ii) JKPTG Negeri</p> | <p>Memproses permohonan untuk mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) melalui Pengarah Tanah dan Galian.</p> <p>Pemantauan permohonan tanah akan dibuat oleh JKPTG Negeri.</p>                                                                                                                                                                                                                                        |         |



| LANGKAH UTAMA                                                               | PERKARA-PERKARA UNTUK DIAMBIL PERHATIAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | RUJUKAN |
|-----------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
|                                                                             | <p>(f) Walau bagaimanapun , jika KJP tidak mempunyai peruntukan untuk menjelaskan bayaran dalam tempoh yang ditetapkan, KJP bolehlah memohon perlanjutan tempoh bayaran Notis 5A sehingga 6 bulan lagi atau bagi tempoh lain yang diluluskan oleh PBN melalui PTP kepada PT.</p> <p><b>Catatan:</b></p> <p><i>Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2007, bayaran hendaklah dijelaskan dalam masa empat belas (14) hari. Rujuk Lampiran 'B (6)'.</i></p> |         |
| <p><b>7. Tindakan Selepas Bayaran</b></p> <p>(i) PTD/Pendaftar Hakmilik</p> | <p>PTD/Pendaftar Hakmilik mendaftarkan dokumen hakmilik dan kemukakan Notis 5F Kanun Tanah Negara (KTN) kepada PTP.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |         |
| <p><b>8. Penerimaan Hakmilik</b></p> <p>(i) PTP</p>                         | <p>(a) PTP menerima dokumen hakmilik melalui JKPTG Negeri daripada PTD/Pendaftar Hakmilik.</p> <p>b) Satu salinan hakmilik tersebut akan dihantar kepada KJP yang berkenaan untuk rekod.</p> <p><b>Catatan:</b></p> <p><i>KJP hendaklah mengemukakan satu (1) salinan Hakmilik kepada Agensi di peringkat Negeri dan Daerah untuk pembangunan dan pengawalan.</i></p> <p><u>Carta Aliran seperti di Lampiran 'B (7)'.</u></p>                                         |         |

## LAMPIRAN 'A'

### PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 24/1980

#### Melepaskan Tanah Yang Dipegang Di Bawah Hakmilik Atau Yang Dirizabkan Untuk Kegunaan Persekutuan Dan Memberi Pajakan Atau Penyewaan

##### Tujuan

Pekeliling ini adalah mengandungi peraturan-peraturan mengenai pelepasan tanah yang dipegang di bawah hakmilik atau yang dirizabkan untuk kegunaan Persekutuan dan juga mengenai peraturan-peraturan pemberian penyewaan atau pajakan bagi tanah-tanah itu. Pekeliling ini akan menggantikan peraturan-peraturan dan pekeliing-pekeliing yang telah dikeluarkan mengenai perkara yang sama.

##### Jenis-jenis tanah Persekutuan

2. Tanah-tanah yang dipegang di bawah hak milik atau yang digunakan untuk Persekutuan adalah terdiri dari salah satu jenis-jenis yang berikut:

- 2.1 Tanah-tanah yang terletak hak kepada Kerajaan Persekutuan menurut Perkara 166(1) dan 166(5) Perlembagaan Persekutuan (biasanya hakmilik-hak milik yang berdaftar di atas nama Chief Secretary);
- 2.2 Tanah-tanah yang diletakkan hak kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan menurut peruntukan-peruntukan undang-undang iaitu di bawah seksyen 7(1) dan 7(2) Federal Lands Commissioner Ordinance, 1967;
- 2.3 Tanah-tanah yang ada hakmilik di atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan;
- 2.4 Tanah-tanah di Negeri-negeri Pulau Pinang dan Melaka yang diduduki, digunakan, dikawal dan diuruskan untuk kegunaan Persekutuan di bawah Perkara 166(3) Perlembagaan Persekutuan;
- 2.5 Tanah-tanah yang diisytiharkan di dalam Warta Kerajaan sebagai rizab untuk kegunaan Persekutuan menurut undang-undang tanah;
- 2.6 Tanah-tanah yang dianggapkan sebagai rizab untuk kegunaan Persekutuan di bawah Perkara 166(4) Perlembagaan Persekutuan;
- 2.7 Tanah-tanah yang dipajak atau disewa oleh Kerajaan Persekutuan.

Tanah-tanah yang didaftarkan di atas nama Chief Secretary yang dinyatakan di 2.1 di atas adalah terletak haknya kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah seksyen 7(1) Federal Lands Commissioner Ordinance, 1957.

##### Kuasa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan

3. Seksyen 4 Federal Lands Commissioner Ordinance, 1957 memperuntukkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan mempunyai kuasa:
  - 3.1 Untuk memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih atau harta tak alih;
  - 3.2 Untuk memindahhak, menyerahhak, memulang, menggadai, menggadai janji, mendemais, menyerahhak semula, memindahmilik atau dengan secara lain melepaskan atau membuat apa-apa urusan mengenai apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak hak padanya.

Ia menjalankan kuasa-kuasa sebagai tuannya bagi tanah Persekutuan yang dipegang di bawah hakmilik. Tanah-tanah yang dirizabkan untuk kegunaan Persekutuan yang dirujuk di 2.4, 2.5 dan 2.6 di atas tidaklah terletak hak kepadanya tetapi tanah itu adalah juga tanggungjawabnya sebab ianya adalah harta Persekutuan.

##### Melepas tanah Persekutuan yang dipegang di bawah hakmilik

4. Melepaskan (memindahmilik atau mengembalikan kepada Kerajaan Negeri sesuatu tanah Persekutuan yang dipegang di bawah hakmilik hendaklah dilaksanakan mengikut Perkara 84 Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 84(1) memperuntukkan bahawa tanah-tanah yang tidak lagi dikehendaki oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah dikembalikan kepada Kerajaan Negeri jika Kerajaan Negeri bersetuju membayar sejumlah wang seperti yang dinyatakan di Fasal (1)(a) atau (b) dalam Perkara tersebut.

5. Peraturan berikut hendaklah dipatuhi dan tindakan yang sesuai diambil oleh Ketua Jabatan atau Ketua Setiausaha Kementerian apabila semua atau sebahagian daripada tanah Persekutuan yang dipegang di bawah hakmilik tidak lagi dikehendaki oleh Kerajaan Persekutuan:

- 5.1 Ketua Jabatan berkenaan memberitahu Menteriannya bahawa semua atau sebahagian tanah itu tidak lagi dikehendaki untuk kegunaan Jabatannya dan Kementerian memberitahu Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam sewajarnya. (Ketua Jabatan bermakna pegawai yang ditetapkan oleh Kementerian yang bertanggungjawab bagi menguruskan tanah atau bangunan itu. Bagi bangunan sekolah, Pengarah Pelajaran biasanya adalah pegawai yang bertanggungjawab dan oleh itu menjadi Ketua Jabatan untuk tujuan ini);
- 5.2 Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam memberitahu lain-lain Kementerian mengenai adanya tanah Kerajaan Persekutuan untuk kegunaan yang berlainan daripada kegunaan sekarang (jika tiada sekatan tentang kegunaannya);
- 5.3 Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam memberitahu Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan mengenai hasil penyasatannya.

6. Dalam melepaskan tanah-tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan adalah bertanggungjawab untuk memperolehi kelulusan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan juga bertanggungjawab untuk berhubung dengan Kerajaan Negeri sama ada:

- 6.1 tanah itu akan digunakan untuk kegunaan Persekutuan yang lain: atau
- 6.2 tanah itu akan dikembalikan kepada Kerajaan Negeri setelah selesai pembayaran wang seperti yang dinyatakan di perenggan 4 di atas.

Jika tanah itu akan digunakan bagi kegunaan Persekutuan yang lain yang akan diletak hak kepada pihak berk uasa awam atau seseorang di bawah Perk ara 86 Perlembagaan, Pesuruhjaya Tanah Persekutuan akan mengemukakan satu permohonan di bawah seksyen 124 Kanun Tanah Negara supaya dikenakan syarat nyata yang berikut:

“Tanah yang diberi milik ini hendaklah digunakan hanya untuk.....”

(Ini adalah untuk mematuhi Perkara 86(2) Perlembagaan Persekutuan). Selepas tindakan tersebut Pesuruhjaya Tanah Persekutuan akan memindahkan milik tanah itu kepada pihak berkuasa awam atau orang yang dimaksudkan itu. Jika tanah itu tidak diletakkan kepada pihak berkuasa awam untuk kegunaan Persekutuan, dan Kerajaan Negeri tidak menerima tawaran pengambilan tanah itu kepadanya maka Pesuruhjaya Tanah Persekutuan akan mengemukakan satu permohonan di bawah seksyen 124 Kanun Tanah Negara supaya dikenakan syarat nyata yang sesuai untuk membolehkan orang yang akan membeli tanah itu menggunakannya untuk tujuan tertentu.

#### **Memajak atau menyewa tanah Persekutuan yang dipegang di bawah Hakmilik**

7. Pesuruhjaya Tanah Persekutuan adalah berkuasa memberi pajakan atau sewaan bagi semua tanah Persekutuan atau harta Persekutuan itu atau sebahagian daripadanya menurut Perkara 84 dan Perkara 86 Perlembagaan Persekutuan. Pajakan atau sewaan adalah diberi masing-masing di bawah seksyen 221 atau 223 Kanun Tanah Negara. Sebuah bangunan di atas tanah milik Persekutuan adalah dianggap sebagai sebahagian daripada tanah itu. Dalam pemberian pajakan atau sewaan mengenai semua atau sebahagian tanah atau bangunan Persekutuan, Ketua Jabatan dengan kelulusan Kementerian yang berkenaan hendaklah memberitahu Pesuruhjaya Tanah Persekutuan akan cadangannya. Satu salinan surat itu hendaklah didedarkan kepada Kementerian yang berkenaan. Tindakan-tindakan berikut akan diambil oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan:

- 7.1 mendapatkan nasihat Peguam Negara;
- 7.2 membuat hubungan dengan Ketua Jabatan untuk menyediakan notis memanggil tawaran-tawaran;
- 7.3 membuat hubungan dengan Pemungut Hasil Tanah mengenai pengeluaran notis-notis tawaran.

Pemungut Hasil Tanah akan menerima bayaran daripada orang yang berjaya mendapatkan tawaran bagi pihak Kerajaan Persekutuan dan akan memberitahu Pesuruhjaya Tanah Persekutuan mengenai butir-butir hasil yang dipungut. Pesuruhjaya Tanah Persekutuan seterusnya akan menandatangani pajakan atau perjanjian sewaan mengenai tanah atau harta itu. Satu salinan pajakan atau perjanjian sewaan akan disampaikan kepada Ketua Jabatan dan Kementerian untuk simpanan mereka.

#### **Melepas tanah persekutuan yang diduduki secara perizapan**

8. Semua atau sebahagian tanah yang dirizabkan untuk kegunaan Persekutuan yang tidak lagi dikehendaki untuk tujuan itu bolehlah dibatalkan rizabnya menurut Perkara 85 Perlembagaan Persekutuan. Jika wang Persekutuan telah digunakan bagi memperoleh tanah itu atau jika tanah rizab itu mengandungi bangunan atau lain-lain kemajuan yang dibuat dengan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan maka peraturan-peraturan yang berikut hendaklah dipatuhi:

- 8.1 Ketua Jabatan yang berkenaan hendaklah memberitahu Menteriannya bahawa semua atau sebahagian tanah yang dirizabkan untuk jabatannya itu tidak lagi dikehendaki untuk kegunaannya dan Kementerian akan memberitahu Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam sewajarnya. (Butir-butir rizab itu atau sebahagian daripada rizab yang akan dibatalkan itu hendaklah disertakan).
- 8.2 Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam memberitahu Kementerian-kementerian lain mengenai adanya tanah rizab Persekutuan untuk kegunaan yang lain-lain;
- 8.3 Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam akan memberitahu Pesuruhjaya Tanah Persekutuan mengenai hasil penyasatannya.

9. Selepas sahaja Pesuruhjaya Tanah Persekutuan memperoleh kelulusan daripada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ia akan mengemukakan permohonan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk merizabkan tanah itu bagi kegunaan Persekutuan yang lain atau akan menawarkan pelepasan semua atau sebahagian dari tanah rizab itu kepada Pihak Berkuasa Negeri dengan pembayaran harga kemajuan yang terdapat di atas tanah itu dan perbelanjaan memperolehinya. Sekiranya Pihak Berkuasa Negeri tidak menerima tawaran itu tindakan akan diambil untuk mendapatkan hakmilik bagi tanah itu untuk dijual melalui tawaran atau lelong.

#### **Kelulusan meroboh bangunan-bangunan persekutuan**

10. Oleh kerana harta Persekutuan terletak hak kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan rekod-rekod tanah yang diberi milik atau yang dirizabkan untuk kegunaan Persekutuan serta harta-harta Persekutuan yang lain adalah diuruskan olehnya, maka adalah wajar beliau juga diberi tanggungjawab untuk memperoleh keputusan melepas atau merobohkan bangunan-bangunan Persekutuan yang telah didirikan di atas tanah-tanah tersebut. Kelulusan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan persetujuan Menteri Kewangan perlu diperolehi sebelum kebenaran dapat diberi untuk meruntuhkan bangunan itu. Kebenaran untuk melepas atau meruntuhkan sesuatu bangunan Persekutuan hendaklah diperolehi dengan menggunakan borang di Lampiran A, di mana Pengarah Kerjaraya Negeri akan melaporkan perkara itu kepada Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam melalui Ketua Pengarah Kerjaraya.

#### **Pernakaaian Pekeliling ini**

11. Pekeliling ini tidak terpakai di negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan bagi tanah-tanah yang diberi milik atau dirizabkan untuk kegunaan-kegunaan Keretapi Tanah Melayu sehingga arahan-arahan selanjutnya dikeluarkan. **Pembatalan Pekeliling Dahulu**

12. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 17/1970 adalah dengan ini dibatalkan.

t.t  
**NASRUDDIN BIN BAHARI,**  
Ketua Pengarah Tanah dan Galian  
Persekutuan

P.T.TM 76/69

Kuala Lumpur  
20hb Februari, 1980

## 附录11

### 《政府项目的工业化建筑系统之实施》

马来西亚财政部2008年7号通函

### **Pelaksanaan Industrialised Building System (IBS) dalam Projek Kerajaan**

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2008

(只收纳文件的部分原文)



**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 7 TAHUN 2008**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**PELAKSANAAN *INDUSTRIALISED BUILDING SYSTEM* (IBS)  
DALAM PROJEK KERAJAAN**

**TUJUAN**

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Agensi mengenai keputusan Kerajaan untuk melaksanakan kaedah *Industrialised Building System* (IBS) dalam pembinaan projek Kerajaan.

**LATAR BELAKANG**

2. Jemaah Menteri pada 29 Ogos 2003 telah bersetuju supaya *Roadmap Industrialised Building Systems 2003-2010* dijadikan dokumen *blueprint* sektor pembinaan Malaysia serta sumber rujukan sepenuhnya untuk semua pihak di dalam sektor pembinaan Malaysia menjelang tahun 2010. IBS merupakan satu sistem atau kaedah pembinaan yang mana komponennya dihasilkan di dalam keadaan terkawal (di kilang atau di tapak bina), diangkut dan dipasang dalam kerja pembinaan dengan penggunaan pekerja yang minimum di tapak. Objektif pelaksanaan kaedah IBS ini antaranya adalah untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti pembinaan, menyeragamkan reka bentuk, mempercepatkan tempoh pembinaan serta mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing ke tahap 15% pada 2010 seperti disasarkan dalam *Roadmap IBS*.

3. Sebagai langkah awal untuk melaksanakan penggunaan IBS, Kerajaan telah mengumumkan dalam pembentangan Bajet Tahun 2005 supaya penggunaan kaedah IBS dalam pembinaan rumah mampu milik termasuk pembinaan bangunan Kerajaan dipertingkatkan daripada 30% kepada 50% bermula tahun 2005. Bagi mencapai objektif pelaksanaan kaedah IBS yang telah ditetapkan, Kerajaan telah memutuskan keperluan untuk mempertingkatkan dan memperluaskan penggunaan IBS dalam projek Kerajaan.



#### **PELAKSANAAN IBS DALAM PROJEK KERAJAAN**

4. Semua Agensi adalah dikehendaki mempelawa projek baru menggunakan kaedah IBS seperti berikut:

- (i) menggunakan sistem IBS terbuka iaitu sistem komponen IBS yang menekankan reka bentuk sesuatu bangunan berdasarkan penggunaan piawaian Kordinasi Modular, MS1064 dan tidak menetapkan penggunaan sesuatu sistem komponen IBS semasa proses perolehan. Ianya berdasarkan kepada katalog, termasuk piawaian yang boleh digunapakai oleh semua pihak tanpa sekatan reka bentuk;
- (ii) mempertingkatkan kandungan komponen IBS bagi setiap projek Kerajaan pada tahap tidak kurang daripada 70%. Pengiraan penggunaan kandungan IBS dalam sesuatu projek binaan bangunan adalah berdasarkan kepada *Manual For Industrialised Building System (IBS) Content Scoring System* yang diterbitkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);
- (iii) memasukkan syarat-syarat kontrak dan klausa keperluan penggunaan IBS dalam projek baru Agensi dengan merujuk ke laman web Jabatan Kerja Raya iaitu [www.jkr.gov.my](http://www.jkr.gov.my); dan
- (iv) merujuk kepada **Manual Pelaksanaan Kaedah IBS Bagi Projek Kerajaan** seperti di **Lampiran I**.

#### **SEKRETARIAT IBS KEBANGSAAN**

5. Kerajaan adalah komited untuk memastikan kejayaan pelaksanaan IBS dalam projek Kerajaan. Oleh yang demikian, Sekretariat IBS Kebangsaan telah ditubuhkan sebagai penyelarasan dengan keahlian seperti berikut:

Pengerusi : Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya  
Ahli : Jabatan Kerja Raya, Lembaga Pembangunan Industri  
Pembinaan Malaysia (CIDB), Agensi-agensi Pusat dan  
Bahagian-bahagian Pembangunan Kementerian  
Sekretariat : Kementerian Kerja Raya

#### **PEMANTAUAN DAN TANGGUNG JAWAB AGENSI**

6. Bagi tujuan memantau pelaksanaan IBS, Jawatankuasa Pemantau Penguatkuasaan IBS (JPPIBS) telah ditubuhkan di Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri. Sehubungan itu, Agensi dikehendaki mengemukakan laporan pada setiap dua (2) bulan kepada JPPIBS dengan menggunakan format di **Lampiran C dalam Manual Pelaksanaan Kaedah IBS Bagi Projek Kerajaan**.

7. Selain itu, Agensi perlu mewujudkan mekanisme pemantauan untuk projek yang dilaksanakan secara IBS untuk memastikan projek berjalan mengikut jadual. Agensi hendaklah mengenal pasti dan menyelesaikan masalah di setiap peringkat pelaksanaan agar tidak berlanjutan.

#### **PENGECUALIAN**

8. Mana-mana pengecualian daripada peraturan yang ditetapkan dalam SPP ini hendaklah dipohon oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan dan mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Kerja Raya, kecuali projek berikut:

- i) Projek kerja bernilai kurang daripada RM10 juta kecuali projek yang dikenal pasti oleh JKR untuk dilaksanakan secara IBS;
- ii) Projek kerja yang dilaksanakan di kawasan terpencil atau pedalaman yang tidak dapat diakses oleh pengangkutan bagi projek IBS; atau
- iii) Kerja-kerja pengubahsuaian bangunan sedia ada dan tidak melibatkan pembinaan bangunan baru.

#### **KUAT KUASA**

9. SPP ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

#### **PEMBATALAN**

10. Dengan berkuat kuasa SPP ini, Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 6 Julai 2005 adalah dibatalkan.

#### **HAL-HAL LAIN**

11. Agensi boleh mendapatkan bantuan dan sokongan teknikal di Pusat IBS CIDB, Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur yang merupakan pusat rujukan setempat bagi semua pihak yang terlibat dalam industri IBS.

12. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan mengenai SPP ini, Agensi boleh mendapat keterangan lanjut dengan merujuk kepada:


- (i) Pengarah Kanan  
Cawangan Kejuruteraan Awam, Struktur dan Jambatan  
Ibu Pejabat JKR Malaysia  
Tingkat 15, Centre Point North  
The Boulevard, Mid Valley City  
Lingkar Syed Putra  
**59200 KUALA LUMPUR**  
No. Tel. : 03-92354701  
No. Faks : 03-22873189

- (ii) Pusat IBS, CIDB  
Tingkat 1, Blok E  
Lot 8, Jalan Chan Sow Lin  
**55200 KUALA LUMPUR**  
No. Tel : 03-92816909/5908/5903  
No. Faks : 03-92815870  
Website : www.cidb.gov.my

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



(Tan Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan Malaysia.

31 Oktober 2008

s.k. Ketua Setiausaha Negara  
Ketua Audit Negara Malaysia  
Akauntan Negara Malaysia  
Semua Pegawai Kewangan Negeri

## 附录12

### 《政府计划/项目的价值管理实施指南》

马来西亚首相署经济策划组

2011年5月

### **Panduan Pelaksanaan Pengurusan Nilai dalam Program/Projek Kerajaan**

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Malaysia

Mei 2011

(只收纳文件的部分原文)



PANDUAN PELAKSANAAN

# PENGURUSAN NILAI

## DALAM PROGRAM/PROJEK KERAJAAN



UNIT PERANCANG EKONOMI JABATAN PERDANA MENTERI



## PRAKATA

Rancangan Malaysia Kesepuluh yang telah dilancarkan pada bulan Januari 2011 merupakan satu titik tolak kepada pelaksanaan Pengurusan Nilai atau *Value Management* (VM) sebagai salah satu wahana di dalam merancang pelaksanaan program dan projek Kerajaan.

Dasar Kerajaan kini untuk menggunakan kaedah pengurusan nilai atau *value management* sebagai *management tool* di dalam pelaksanaan program dan projek Kerajaan adalah bertepatan bagi mencapai nilai untuk wang. Oleh yang demikian penggunaan kaedah ini perlu diterapkan dalam semua perancangan dan pelaksanaan projek Kerajaan bermula dari peringkat awal bagi mendapatkan pulangan yang maksimum.


Justeru itu, sebagai permulaan Kerajaan telah menetapkan pelaksanaan VM untuk program/projek pembangunan yang bernilai RM50 juta ke atas bagi memastikan program/projek tersebut memenuhi objektif dan fungsi yang disasarkan serta mencapai *value for money*.

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) telah mengambil satu langkah besar di dalam menjadikan VM sebagai salah satu alat perancangan program/projek Rancangan Malaysia Kesepuluh

dengan mengeluarkan Pekeliling UPE Bilangan 3 Tahun 2009 yang memerlukan semua projek bernilai RM50 juta melalui proses VM.

Selanjutnya, Panduan Pengurusan Nilai dikeluarkan sebagai rujukan kepada semua kementerian dan agensi untuk melaksanakan VM dengan lancar dan efektif.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah mengambil bahagian di dalam menyediakannya dan saya berharap usaha murni ini akan memberi faedah kepada semua pihak di dalam menginstitusikan VM dalam projek-projek Kerajaan.



(NORIYAH BINTI AHMAD)

Ketua Pengarah,  
Unit Perancang Ekonomi,  
Jabatan Perdana Menteri.

Putrajaya  
24 Mei 2011.

## PRA-KATA

**ISI KANDUNGAN**

|   |                                                               |    |
|---|---------------------------------------------------------------|----|
| 1 | PENGENALAN                                                    | 1  |
| 2 | KONSEP DAN DEFINISI                                           | 3  |
|   | - Kajian Nilai ( <i>Value Assessment - VA</i> )               | 4  |
|   | - Kajian Kejuruteraan Nilai ( <i>Value Engineering - VE</i> ) | 5  |
|   | - Kajian Semakan Nilai ( <i>Value Review - VR</i> )           | 5  |
| 3 | APLIKASI KAJIAN VM DALAM PROGRAM/PROJEK KERAJAAN              | 7  |
| 4 | AMALAN VM                                                     | 11 |
| 5 | KAJIAN NILAI - (VA)                                           | 13 |
|   | - PRA-LAB                                                     | 13 |
|   | - LAB VA                                                      | 14 |
|   | - Fasa Maklumat                                               |    |
|   | - Fasa Analisis Nilai                                         |    |
|   | - Fasa Kreativiti                                             |    |
|   | - Fasa Penilaian                                              |    |
|   | - Fasa Pembangunan                                            |    |
|   | - Fasa Pembentangan                                           |    |
|   | - PASCA LAB                                                   | 20 |
| 6 | KAJIAN KEJURUTERAAN NILAI - (VE)                              | 21 |
|   | - PRA LAB                                                     | 21 |
|   | - LAB VE                                                      | 22 |
|   | - Fasa Maklumat                                               |    |
|   | - Fasa Analisis Fungsi                                        |    |
|   | - Fasa Kreativiti                                             |    |
|   | - Fasa Penilaian                                              |    |
|   | - Fasa Pembangunan                                            |    |
|   | - Fasa Pembentangan                                           |    |
|   | - PASCA LAB                                                   | 29 |
| 7 | KAJIAN SEMAKAN NILAI - (VR)                                   | 31 |
|   | - PRA LAB                                                     | 31 |
|   | - Penetapan Skop dan Hala Tuju                                |    |
|   | - Penentuan Sumber                                            |    |
|   | - Pengumpulan Data                                            |    |
|   |                                                               | 34 |



|                                               |    |
|-----------------------------------------------|----|
| - LAB VR                                      |    |
| - Fasa Maklumat                               |    |
| - Fasa Penelitian Maklumat dan Latar Belakang |    |
| - Fasa Penganalisan dan Perbandingan Data     |    |
| - Fasa Penyediaan Laporan                     | 37 |
| - PASCA LAB                                   |    |
| 8 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB                   | 39 |
| 9 PENGHARGAAN                                 | 43 |
| 10 LAMPIRAN DAN CONTOH TEMPLATE               | 45 |
| 11 GLOSARI/SINGKATAN DAN ISTILAH              | 50 |
| 12 SENARAI SEMAK AKTIVITI KAJIAN VM           | 51 |
| 13 RUJUKAN                                    | 53 |

## 1. PENGENALAN

Kerajaan telah menetapkan bahawa kaedah Pengurusan Nilai - (*Value Management - VM*) diterapkan dalam pengurusan program/projek bermula dari peringkat awal lagi. VM menjadi wahana yakni alat pengurusan atau *management tool* bagi mencapai *value for money*. Bagi tujuan ini satu Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Bilangan 3 Tahun 2009 bertarikh 29 Disember 2009 telah dikeluarkan supaya semua projek bernilai RM50.0 juta dan ke atas melalui proses VM. Kegagalan mematuhi pekeliling ini boleh menyebabkan permohonan untuk melaksanakan projek tidak diluluskan.

Tujuan utama panduan ini disediakan ialah sebagai panduan untuk melaksanakan VM dalam program/projek Kerajaan.

Bagi tujuan panduan ini, perkataan projek bermaksud projek fizikal dan bukan fizikal. Contoh bagi projek fizikal ialah projek jalan raya, bangunan, infrastruktur dan sebagainya. Projek bukan fizikal pula meliputi projek yang berkaitan dengan program latihan, pembasmian kemiskinan, ICT dan sebagainya.

VM dilaksanakan untuk menghasilkan keputusan yang efektif dengan:

- i. Meningkatkan tahap ketepatan andaian yang digunakan semasa perancangan;
- ii. Mengenalpasti keperluan sebenar bagi mencapai fungsi yang ditetapkan;
- iii. Menggalak dan menjana idea kreatif;
- iv. Mengoptimumkan penggunaan sumber;
- v. Mempercepat proses membuat sesuatu keputusan;
- vi. Memasti dan meningkatkan standard, kaedah, prosedur serta kriteria sesuatu projek supaya selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa;
- vii. Mempertingkatkan prestasi dan sinergi peserta yang terlibat dalam kerja kumpulan;
- viii. Meminimumkan *gold plating*, dan
- ix. Mengambil kira penggunaan Kos Kitaran Hayat (*Life-cycle Cost - LCC*).

VM bukanlah satu langkah untuk mengurangkan kos sahaja, malah terdapat beberapa contoh di mana VM telah mengambil kira keperluan terbaru seperti *industrialised building system* (IBS) dan kecekapan tenaga (*energy efficiency*) dalam projek Kerajaan. Penyiapan projek yang lebih cepat juga dapat dicapai dengan adanya kaedah perhubungan yang lebih baik dalam proses VM.

Selain itu, kajian VM juga memberikan faedah seperti:

- i. menghasilkan projek yang memenuhi keperluan *stakeholder* dan diterima rakyat;
- ii. membolehkan perancangan perbelanjaan peruntukan pembangunan yang efisien;
- iii. memastikan fungsi dan kualiti projek tercapai; dan
- iv. meningkatkan tahap ketelusan, *ownership* dan kefahaman peserta dalam pelaksanaan sesebuah projek.

## 2. KONSEP DAN DEFINISI

Pelaksanaan VM bertujuan untuk mengenal pasti, menyediakan pilihan dan mengeluarkan komponen serta kos yang tidak menyumbang kepada nilai perkhidmatan, sistem dan projek tanpa menjejaskan objektif dan fungsi yang ditetapkan.

VM ditakrifkan sebagai pendekatan pelbagai disiplin yang sistematik dan inovatif untuk mengkaji keperluan fungsi sesuatu program, reka bentuk, produk, perkhidmatan, projek, fasiliti dan sistem bagi mencapai nilai yang lebih baik dan kos yang optimum tanpa menjejaskan tahap prestasi program/projek tersebut.

Nilai boleh ditakrifkan seperti berikut:

$$\text{nilai} = \frac{\text{fungsi} + \text{kualiti}}{\text{kos}}$$

Nilai boleh dilihat dari pelbagai sudut kerana ia berbentuk relatif. Secara amnya, pencapaian nilai yang optimum memerlukan proses pengimbangan parameter yang berbeza dan/atau bertentangan.

Dengan kualiti yang telah ditetapkan, maka pencapaian nilai yang optimum boleh diperolehi melalui salah satu atau gandingan kaedah-kaedah seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

|                                                                        |             |
|------------------------------------------------------------------------|-------------|
| A. Meningkatkan fungsi dengan ketara, diiringi sedikit peningkatan kos | ↑<br>—<br>↑ |
| B. Meningkatkan fungsi, tanpa perubahan kos                            | ↑<br>—<br>→ |
| C. Meningkatkan fungsi, diiringi dengan pengurangan kos                | ↑<br>—<br>↓ |
| D. Tiada perbezaan fungsi, tetapi berlaku pengurangan kos              | →<br>—<br>↓ |
| E. Mengurangkan sedikit fungsi, diiringi pengurangan kos yang ketara   | ↓<br>—<br>↓ |

Jadual 1: Beberapa kaedah mengoptimumkan nilai

### Kajian Nilai (*Value Assessment -VA*)

Kajian Nilai (VA) adalah satu perancangan strategik yang dilaksanakan sebelum sesuatu program/projek diluluskan. Terdapat juga definisi lain bagi menggambarkan konsep kajian nilai yang telah digunakan secara meluas seperti istilah *value planning* dan *value study*.

Bagaimanapun, bagi tujuan Panduan ini, istilah *Value Assessment (VA)* digunakan bagi menggambarkan proses perancangan dalam program/projek Kerajaan. Tujuan VA adalah untuk mengenal pasti program/projek yang dapat menyumbang kepada pencapaian objektif dengan kos yang optimum serta dapat meningkatkan prestasi pengurusan program/projek kementerian dan agensi. Pada peringkat ini, VA digunakan sebagai salah satu strategi pengurusan bagi mencapai *value for money* kerana pada peringkat ini keperluan sebenar program/projek dapat ditentukan dan andaian yang digunakan dalam mewujudkan program/projek boleh dicabar kesahihannya.

Jika digunakan pada peringkat ini, VA boleh menghasilkan penjimatan daripada anggaran kos asal. Sekiranya kajian mendapati bahawa sesebuah program/projek tidak berupaya untuk mencapai objektif dan tidak mendesak keperluannya, ada kemungkinan sesebuah program/projek tidak diperakukan untuk pelaksanaan ke peringkat seterusnya. VA dilaksanakan dalam bentuk Lab yang dibuat selepas kajian awal (Pra-Lab) dan diikuti dengan aktiviti susulan (Pasca Kajian) selepasnya. (*Rujuk Carta Aliran di Rajah 6*).

### Kejuruteraan Nilai (*Value Engineering -VE*)

Bagi program/projek yang telah diluluskan di peringkat Agensi Pusat, Kejuruteraan Nilai (VE) boleh dilaksanakan di semua peringkat pembangunan reka bentuk bagi memastikan program/projek tersebut mencapai fungsi dan objektif yang telah ditetapkan. Sekiranya perlu, VE juga boleh dilaksanakan berulang kali, khususnya bagi projek yang rumit seperti hospital dan seumpamanya.

Pada peringkat ini, VE perlu dijalankan bagi menentukan alternatif dan kaedah terbaik melaksanakan program/projek bagi memaksimumkan *value for money* dan meningkatkan keberkesanan program/projek tersebut. Ini biasanya dilakukan dengan menyisihkan fungsi, reka bentuk dan spesifikasi yang tidak perlu atau tidak penting di samping mencadangkan kaedah atau alternatif yang boleh menambah baik penyampaian program/projek. Seperti VA, VE juga selalunya dilaksanakan dalam bentuk lab.

### Semakan Nilai (*Value Review -VR*) atau *Value Analysis*

Semakan Nilai (VR) atau dikenali juga sebagai *value analysis* dilaksanakan selepas program/projek disiapkan supaya program/projek yang telah dilaksanakan dapat dinilai pencapaiannya berbanding dengan objektif yang telah ditetapkan. Ia juga adalah sebagai satu usaha penambahbaikan berterusan untuk memperbaiki kelemahan yang ada dan mempertingkatkan keberkesanan pelaksanaan program/projek seterusnya.

Pada peringkat ini, keberkesanan sesebuah program/projek dalam memenuhi fungsinya akan dimaklumkan kepada kementerian dan agensi-agensi berkenaan agar diterap atau ditambah baik dalam program/projek yang akan datang. Kelemahan yang ditemui akan juga dimaklumkan supaya dapat dielak daripada berulang.

Jadual 2 menerangkan aktiviti dan agensi yang terlibat dalam setiap peringkat kajian tersebut.

| PERINGKAT VM                                      | AKTIVITI                                                                                                                                                                                                                                                     | AGENSI                                                                                                                                                                                                                                                        |
|---------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <i>Kajian Nilai (Value Assessment -VA)</i>        | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memuktamadkan skop, kos dan siling program/projek.</li> <li>• Memutuskan sama ada sesuatu program/projek perlu diteruskan atau ditangguhkan.</li> <li>• Dilaksanakan dalam bentuk lab</li> </ul>                    | <p><b>Diterajui oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM):</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Melibatkan Kementerian Kewangan (MOF), kementerian dan agensi yang terlibat dengan program/projek</li> </ul>                |
| <i>Kejuruteraan Nilai (Value Engineering -VE)</i> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menilai projek dan memuktamadkan reka bentuk projek</li> <li>• Dilaksanakan dalam bentuk lab</li> </ul>                                                                                                             | <p><b>Diterajui oleh Jabatan Kerja Raya (JKR)/Jabatan Teknikal:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Melibatkan UPE JPM, MOF, kementerian dan agensi terlibat dengan program/projek</li> </ul>                                                    |
| <i>Semakan Nilai (Value Review -VR)</i>           | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penambahbaikan berterusan dengan mempelajari kebaikan dan kelemahan selepas pelaksanaan program/projek.</li> <li>• Dilaksanakan melalui kaedah mesyuarat, perbincangan atau boleh juga dalam bentuk lab.</li> </ul> | <p><b>Diterajui oleh Jabatan Audit Negara (JAN):</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Melibatkan UPE JPM, MOF, Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU), kementerian dan agensi yang terlibat dengan program/projek</li> </ul> |

Jadual 2: Ringkasan aktiviti dan penglibatan kementerian dan agensi dalam pelaksanaan VM

Output daripada VA akan digunakan sebagai salah satu input kepada VE. Output VE digunakan seterusnya untuk input kepada VR. Keputusan dan cadangan VR selanjutnya akan disarankan sebagai penambahbaikan kepada program/projek yang akan datang.

### 3. APLIKASI KAJIAN VM DALAM PROGRAM/ PROJEK KERAJAAN

Bagi memastikan pelaksanaan VM dalam program/projek Kerajaan diinstitusikan, Kerajaan telah menetapkan supaya Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara, memacu dan memantau pelaksanaannya. Ini termasuklah memperaku keputusan Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Nilai. Peranan Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Nilai pula adalah untuk meneliti laporan pengurusan nilai, melulus skop dan kos program/projek serta menentukan bahawa VM dilaksanakan bagi mana-mana program/projek yang difikirkan perlu.


Keahlian Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Nilai terdiri daripada Unit Perancang Ekonomi (UPE JPM), Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Audit Negara (JAN), Jabatan Kerja Raya (JKR), Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU) dan panel penasihat.

Sekretariat Pengurusan Nilai di Seksyen Pengurusan Nilai, UPE JPM akan membantu Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Nilai untuk:

- i. mengesyorkan mana-mana projek yang perlu dilaksanakan VM;
- ii. menyelaras dan membantu mengurus pelaksanaan lab VM;
- iii. menyemak laporan kajian-kajian VM sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Nilai; dan
- iv. memastikan VM dilaksanakan dengan efisien dalam program/projek Kerajaan.




Struktur organisasi pelaksanaan VM adalah seperti di Rajah 1.



Rajah 1: Struktur Organisasi Pelaksanaan VM - Kementerian yang berkenaan bertanggungjawab melaksanakan VM bagi program/projek mereka yang berkenaan

Kajian menunjukkan bahawa VM telah memberikan penjimatan dan faedah yang maksimum sekiranya dilaksanakan pada peringkat awal perancangan program/projek, di mana penetapan skop, fungsi dan kos sebenar projek dapat dimuktamadkan.


Rajah 2 menunjukkan penjimatan kos maksimum boleh dicapai sekiranya kajian VM dilaksanakan pada peringkat awal perancangan.



#### POTENSI PENJIMATAN KOS LEBIH LUAS DI PERINGKAT AWAL

Rajah 2: Penjimatan kos yang boleh dicapai sekiranya kajian VM dilaksanakan pada peringkat awal perancangan.

Kesimpulannya, pelaksanaan VM perlu dilaksanakan oleh kementerian dan agensi mengikut peringkat-peringkat utama program/projek seperti di Rajah 3:



Rajah 3: VM dan Agensi Terlibat Dalam Setiap Peringkat Program/Projek Kerajaan

## 附录13

# 《改善联邦政府计划/项目中的价值管理实施及 建筑规划的条规和指南》

马来西亚首相署经济策划组2015年1号通令

## Penambahbaikan Pelaksanaan Pengurusan Nilai dan Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan dalam Program/Projek Kerajaan Persekutuan

Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri  
Bilangan 1 Tahun 2015

( 收纳文件的原文全文 )



---

**PEKELILING UNIT PERANCANG EKONOMI,  
JABATAN PERDANA MENTERI BIL. 1 TAHUN 2015**

---

**PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN PENGURUSAN NILAI DAN GARIS  
PANDUAN DAN PERATURAN BAGI PERANCANGAN BANGUNAN DALAM  
PROGRAM/PROJEK KERAJAAN PERSEKUTUAN**

## 1. TUJUAN

Tujuan Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan semua Kementerian, Kerajaan-kerajaan Negeri, Jabatan-jabatan Persekutuan dan juga Badan-badan Berkanun Persekutuan mengenai penambahbaikan:

- 1.1. Peraturan Melaksanakan Pengurusan Nilai Dalam Program/Projek Kerajaan; dan
- 1.2. Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan Oleh Jawatankuasa Standard dan Kos (JSK), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM).

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Pendekatan Pengurusan Nilai bertujuan untuk mengenal pasti, menyediakan pilihan dan mengeluarkan komponen dan kos yang tidak menyumbang kepada nilai perkhidmatan, sistem dan projek tanpa menjejaskan objektif dan fungsi yang ditetapkan. Secara amnya, Pengurusan Nilai adalah satu pendekatan pelbagai disiplin, sistematik dan inovatif untuk mengkaji keperluan fungsi sesuatu reka bentuk, produk, perkhidmatan, projek, fasiliti dan sistem bagi mencapai nilai yang lebih baik dan kos yang optimum tanpa menjejaskan tahap prestasinya.
- 2.2. Kerajaan telah menetapkan supaya Pengurusan Nilai dilaksanakan bagi semua program/projek fizikal bernilai RM50.0 juta dan ke atas. Kementerian/Agensi adalah digalakkan menggunakan pendekatan Pengurusan Nilai bagi program/projek fizikal terpilih yang bernilai kurang dari RM50.0 juta. Walau bagaimanapun, UPE, JPM berhak menetapkan mana-mana projek yang difikirkan perlu, untuk dilaksanakan Pengurusan Nilai.
- 2.3. Projek-projek bangunan Kerajaan yang bernilai RM5.0 juta hingga RM50.0 juta dan kerja ubahsuai bangunan dengan nilai RM1.0 juta ke atas perlu mendapat kelulusan JSK sebelum dilaksanakan.

## 3. PERATURAN MELAKSANAKAN PENGURUSAN NILAI

### 3.1 Peringkat Pelaksanaan

Bermula pada Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10), Kerajaan telah menetapkan supaya pendekatan Pengurusan Nilai dilaksanakan dalam tiga

peringkat iaitu Peringkat Kajian Nilai, Peringkat Kejuruteraan Nilai dan Peringkat Semakan Nilai. Ia perlu dilaksanakan oleh Kementerian/Agensi pada peringkat seperti berikut:

- 3.1.1 **Kajian Nilai (*Value Assessment - VA*)**; yang dilaksanakan pada peringkat awal perancangan program/projek dengan tujuan untuk menentusah **kos dan skop** sesuatu program/projek yang diwujudkan. Kajian ini perlu penglibatan secara aktif UPE, JPM serta kehadiran wakil-wakil Jabatan Teknikal/Agensi Pelaksana yang berkaitan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Bekalan Air (JBA), Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP) dan lain-lain jabatan yang berkaitan dengan program/projek;
- 3.1.2 **Kejuruteraan Nilai (*Value Engineering - VE*)**; yang dilaksanakan pada peringkat pembangunan reka bentuk yang bertujuan untuk memenuhi fungsi dan mengoptimumkan reka bentuk program/projek sebelum perolehan dibuat. Kajian ini hendaklah dilaksanakan dengan penglibatan aktif Jabatan Teknikal/Agensi Pelaksana yang berkenaan dengan program/projek serta disertai oleh jabatan lain yang berkaitan seperti di Perenggan 3.1.1 di atas; dan
- 3.1.3 **Semakan Nilai (*Value Review - VR*)**; yang bertujuan untuk menilai pencapaian objektif/*outcome* sesuatu program/projek berbanding dengan objektif/*outcome* yang telah ditetapkan di peringkat perancangan. Kajian ini diterajui oleh Jabatan Audit Negara dan dilakukan apabila projek siap dan telah mula digunakan.

### 3.2. Pendekatan Pengurusan Nilai

Secara amnya pendekatan Pengurusan Nilai dilaksanakan melalui pendekatan Makmal (*Lab*) dengan turutan aktiviti seperti berikut:

- 3.2.1 **Pra-Lab**; membuat perancangan dan persediaan *Lab* serta mengumpul maklumat seperti brif projek, objektif, skop, anggaran kos serta membuat lawatan ke tapak projek;
- 3.2.2 **Lab Kajian Nilai (*VA Lab*), Lab Kejuruteraan Nilai (*VE Lab*) atau Lab Semakan Nilai (*VR Lab*)** di mana berkaitan; dan

- 3.2.3 **Pasca-Lab**; mengambil tindakan susulan terhadap keputusan yang dicapai semasa *Lab*.

### 3.3 **Prosedur Melaksanakan Pengurusan Nilai**

- 3.3.1 Bermula Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11), UPE, JPM telah menetapkan bahawa tarikh giliran *VA Lab* akan ditentukan oleh UPE, JPM berdasarkan keperluan dan keutamaan projek selepas berbincang dengan Kementerian/Agensi; dan
- 3.3.2 Kementerian/Agensi hendaklah merujuk kepada panduan pelaksanaan Pengurusan Nilai seperti yang terdapat dalam buku **Panduan Pelaksanaan Pengurusan Nilai Dalam Program/Projek Kerajaan** yang telah dikeluarkan oleh UPE, JPM pada 24 Mei 2011.

### 3.4 **Tanggungjawab Kementerian/Agensi**

Kementerian/Agensi hendaklah:

- 3.4.1. melantik seorang pegawai khusus yang bertanggungjawab ke atas pelaksanaan pengurusan nilai untuk memastikan semua maklumat dan persediaan *VA Lab* dibuat dengan berkesan serta memudahkan perhubungan antara agensi;
- 3.4.2. membuat persediaan yang rapi sebelum melaksanakan *VA Lab* dengan menetapkan keperluan dan fungsi asas projek, serta memastikan tiada percanggahan (*mismatch*) yang ketara antara skop dan anggaran kos projek;
- 3.4.3. memastikan semua maklumat/dokumen asas yang diperlukan seperti brif projek, latarbelakang, objektif, kajian tapak projek, keperluan sistem, peralatan, konsep reka bentuk, keperluan teknikal yang lain serta anggaran kos projek disediakan. Kegagalan Kementerian/Agensi menyediakan maklumat serta dokumen yang diperlukan ini boleh menjejaskan penetapan tarikh pelaksanaan *VA Lab*;
- 3.4.4. menyediakan peruntukan kos logistik yang berkaitan untuk melaksanakan Pengurusan Nilai;



- 3.4.5. mendapatkan khidmat pegawai pakar dalam bidang-bidang tertentu yang diperlukan semasa *Lab*, sama ada dari agensi-agensi Kerajaan atau swasta yang berkaitan;
- 3.4.6. Agensi Kerajaan/swasta yang pegawai pakarnya diperlukan semasa *Lab* hendaklah melepaskan pegawai yang berkenaan untuk hadir bagi memastikan kelancaran pelaksanaan *Lab*;
- 3.4.7. melaksanakan Pengurusan Nilai mengikut prosedur yang ditetapkan seperti di Perenggan 3.3 di atas;
- 3.4.8. memastikan semua *stakeholder* utama yang boleh membuat keputusan, hadir semasa sesi *VA*, *VE* dan *VR Lab* untuk menetapkan pandangan/kehendak serta menjelaskan keperluan projek, di samping menandatangani persetujuan/keputusan bersama sebaik sahaja selesai *Lab*; dan
- 3.4.9. mematuhi keputusan yang telah dipersetujui semasa *Lab* berkenaan serta memastikan kesinambungan sesuatu keputusan, contohnya; tidak mengubah persetujuan yang dicapai dalam *VA Lab*, sebaliknya menjadikan ia sebagai asas/panduan semasa sesi *VE Lab* berikutnya.

### 3.5 Laporan Pengurusan Nilai

Laporan yang disediakan semasa *VA*, *VE* dan *VR Lab* adalah merupakan dokumen penting kerana ia merekodkan hasil dapatan kajian (*findings*) dan membolehkan sebarang keputusan atau persetujuan dalam lab tersebut dirujuk semula (*traceable*) dan rasionalnya difahami. Kementerian/Agensi adalah bertanggungjawab menyiapkan laporan *VA*, *VE* dan *VR Lab*. Oleh itu Kementerian/Agensi:

- 3.5.1 sebagai pemilik projek, memastikan bahawa Laporan *VA*, *VE* dan *VR Lab* disiapkan dan ditandatangani bersama oleh semua *stakeholder* utama;
- 3.5.2 adalah bertanggungjawab menyedia dan mengedarkan salinan laporan yang telah disempurnakan (*softcopy* dan *hardcopy*), kepada pihak yang terlibat dalam proses kajian, antaranya:
  - a. Jabatan Teknikal/Agensi Pelaksana yang berkenaan;

- b. Jabatan Audit Negara;
  - c. Seksyen yang berkaitan di UPE, JPM; dan
  - d. Seksyen Pengurusan Nilai UPE, JPM.
- 3.5.3 perlu memastikan apa-apa perubahan dasar, keputusan dan/atau arahan baru daripada mana-mana pihak yang dibuat selepas persetujuan *Lab* ditandatangani, tidak dimasukkan atau dianggap sebagai sebahagian keputusan *Lab*;
- 3.5.4 adalah bertanggungjawab mengambil tindakan susulan bagi memastikan apa-apa keputusan dan persetujuan yang telah dicapai dalam *Lab* dipatuhi dan dilaksanakan;
- 3.5.5 perlu menyertakan dokumen sokongan yang berkaitan seperti brif projek, justifikasi skop, butiran anggaran kos, senarai peralatan dan/atau sistem yang dipersetujui dan lain-lain maklumat sebagai lampiran kepada laporan; dan
- 3.5.6 perlu menyimpan salinan laporan berkaitan untuk rujukan dan rekod.

### 3.6 Pelaksanaan Keputusan Kajian Nilai

Penyaluran Peruntukan daripada UPE, JPM kepada projek akan terjejas sekiranya:

- 3.6.1. ada projek yang perlu melalui Peringkat Kajian Nilai seperti ditetapkan dalam Perenggan 2.2 di atas tetapi tidak dilaksanakan, tanpa mendapat pengecualian bertulis daripada UPE, JPM;
- 3.6.2. keputusan yang dicapai semasa VA *Lab* tidak ditandatangani/dipersetujui bersama oleh semua *stakeholder* utama; atau
- 3.6.3. laporan yang gagal disiapkan tanpa sebab-sebab yang munasabah.

4. **PENAMBAHBAIKAN GARIS PANDUAN DAN PERATURAN BAGI PERANCANGAN BANGUNAN OLEH JAWATANKUASA STANDARD DAN KOS (JSK) UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI**

- 4.1. JSK telah diwujudkan untuk melahirkan kesedaran penjimatan dan keberkesanan kos di kalangan Kementerian/Agensi dalam merancang dan mereka bentuk projek-projek bangunan.
- 4.2. JSK juga sentiasa berusaha memastikan perbelanjaan projek bangunan mendapat faedah yang maksimum dan dilaksanakan dengan kos yang berpatutan.
- 4.3. Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan Oleh JSK yang sedia ada telah ditambah baik untuk digunakan dalam perancangan projek-projek bangunan Kerajaan.
- 4.4. Kerajaan telah menetapkan bahawa projek-projek bangunan bernilai RM5.0 juta hingga RM50.0 juta diwajibkan mendapat kelulusan JSK yang diurussetiakan oleh Seksyen Pengurusan Nilai, UPE, JPM sebelum ditender/dilaksanakan.
- 4.5. Selain projek-projek bangunan bernilai RM5.0 juta hingga RM50.0 juta, permohonan untuk kelulusan JSK ini merangkumi juga:
  - 4.5.1. ubahsuai pejabat (termasuk bangunan pejabat yang disewa) yang nilai kerjanya RM1.0 juta ke atas; dan
  - 4.5.2. permohonan sewaan ruang pejabat Jabatan/Agensi Kerajaan di premis swasta dan lain-lain.
- 4.6. Projek-projek bangunan bernilai kurang daripada RM5.0 juta pula tidak perlu dikemukakan untuk kelulusan JSK tetapi mestilah mematuhi keperluan Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan Dalam Program/Projek Kerajaan Persekutuan seperti di atas.
- 4.7. Semua projek bangunan termasuk projek-projek Kerajaan Negeri/Badan Berkanun yang menggunakan sumber kewangan Kerajaan Persekutuan, sama ada sebagai pinjaman atau secara langsung (*grant*) juga tertakluk kepada syarat ini.
- 4.8. Butiran dan format permohonan adalah seperti senarai di **Lampiran A, A1 dan A2** yang disertakan.

## 5. PEMAKAIAN DAN PENGUATKUASAAN

- 5.1. Panduan Pelaksanaan Pengurusan Nilai Dalam Program/Projek Kerajaan yang dikeluarkan oleh UPE, JPM pada 24 Mei 2011 menerangkan konsep, aplikasi dan amalan Pengurusan Nilai dalam projek Kerajaan. Semua Kementerian/Agensi hendaklah menggunakan panduan ini dalam melaksanakan Pengurusan Nilai.
- 5.2. Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos, UPE, JPM Edisi Tahun 2015 **yang disertakan bersama Pekeliling ini** hendaklah dijadikan rujukan dalam menetapkan norma kelayakan dalam reka bentuk bangunan Kerajaan supaya ia dirancang dan dilaksanakan dengan penggunaan kos yang optima di samping memenuhi keperluan fungsinya.
- 5.3. Dokumen Panduan Pelaksanaan Pengurusan Nilai Dalam Program/Projek Kerajaan dan Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan boleh diakses melalui laman sesawang UPE, JPM di [www.epu.gov.my](http://www.epu.gov.my).
